AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# پليتا بروني

# PELITA BRUNEI

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**"DAN orang-orang Mukmin, laki-laki dan perempuan, sebahagian daripada mereka itu menjadi penolong kepada sebahagian yang lain. Mereka menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada yang mungkar dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan dikurniakan rahmat oleh Allah, sesungguhnya Allah Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana".**
**- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 71.**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.38 | SUBUH 4.48 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.07 | ASAR 3.24 | MAGHRIB 6.06 | ISYAK 7.16 | Daerah Belait ditambah 3 minit, Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 124 | 16 OKTOBER 2023 / 1445 | 1 ربيع الأخير | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

***"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.***

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# KERJASAMA DIPERKUKUH, TINGKATKAN ASEAN-FRANCE DEVELOPMENT PARTNERSHIP



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menghadiri Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh Presiden Republik Perancis, Tuan Yang Terutama Emmanuel Macron dan mengadakan Majlis Perjumpaan Tête-à-tête bersama Tuan Yang Terutama. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said (*Lihat muka 4*).**

# NBD - UAE meterai MoU kerjasama keselamatan siber

**Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Oktober. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Cyber Security Council, Emiriah Arab Bersatu (UAE) mengukuhkan komitmen dan kerjasama ke arah kemajuan dalam keselamatan siber melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU).

Penandatanganan berkenaan diadakan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama Antarabangsa (MoFAIC) di Abu Dhabi sebagai acara sampingan kepada Regional Cyber Security Week yang diadakan pada 8 hingga 13 Oktober 2023 di Abu Dhabi, UAE.

MoU dalam bidang kerjasama keselamatan siber berkenaan ditandatangani oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku Minister-incharge of Cybersecurity sebagai wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

**>> Muka 10**

# Berkenan berangkat ke Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Puja Usia

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**JERUDONG**, Ahad, 15 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Puja Usia baginda bertempat di Royal Berkshire, Jerudong Park & Polo Country Club, Jerudong, hari ini.

Majlis dianjurkan oleh Kumpulan Isteri-isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dijunjung oleh Pengerusi II Kumpulan, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Asbi dan Setiausaha Kumpulan, isteri Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datin Dr. Hajah Noraslina binti Haji Ramlee dan isteri-isteri Menteri Kabinet.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah; dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir.

**>> Muka 6**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

# Berita Utama



**SESI Muzakarah Ahli MMN bersama Kementerian Pendidikan**

**Muka 9**



**MESYUARAT berikan ringkasan, perkembangan terkini bidang kardiologi**

**Muka 12**



**MENINJAU lebih dekat MPK Sungai Bunga**

**Muka 18**



RENCANA

**KESEJAHTERAAN hidup impian setiap masyarakat**

**Muka 20**

Pelita Brunei



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Santap Malam Rasmi sempena Lawatan Rasmi Perdana Menteri Kerajaan Thailand, Tuan Yang Terutama Srettha Thavisin yang berlangsung di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman pada 10 Oktober 2023.**

# Kesediaan berterusan Thailand membekal keperluan makanan dihargai

**"KAMI amat menghargai kesediaan berterusan Thailand untuk membekalkan keperluan makanan ke NBD terutama beras. Pada masa yang sama, mengukuhkan hubungan perdagangan dalam bidang lain termasuk tenaga, juga akan memastikan manfaat bersama kepada negara masing-masing".**

**Terjemahan oleh : Dayang Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan**

**BETA** mengalu-alukan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri serta delegasi, dalam Lawatan Rasmi pertama Tuan Yang Terutama ke Negara Brunei Darussalam. Beta mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk mengucapkan tahniah atas pelantikan TYT sebagai Perdana Menteri Thailand yang Ke-30. Beta yakin di bawah kepimpinan TYT, Thailand akan terus mengorak langkah besar untuk menjadi sebuah negara maju di bawah 'Thailand Vision 2037'.

Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Thailand menikmati persahabatan dan kerjasama yang sangat baik. Beta yakin bahawa hubungan rapat yang terjalin sekian lama yang kita kongsi bersama, akan memastikan daya tahan negara dalam menghadapi era gangguan dan ketidaktentuan. Kami amat menghargai kesediaan berterusan Thailand untuk membekalkan keperluan makanan ke NBD terutama beras. Pada masa yang sama, mengukuhkan hubungan perdagangan dalam bidang lain termasuk tenaga, juga akan memastikan manfaat bersama kepada negara masing-masing. Penyambungan semula penerbangan terus antara kedua negara telah dibuat bagi memudahkan perjalanan rakyat serta memudahkan pergerakan keluar dan masuk eksport barangan dan perkhidmatan. NBD juga berterima kasih atas sumbangan warga Thailand kepada pembangunan negara ini dan terus mengalu-alukan keberadaan mereka di negara ini.

NBD dan Thailand sentiasa membuat rundingan antara satu sama lain dan bekerjasama dalam ASEAN serta forum-forum serantau dan antarabangsa yang lain. Ia menjadi lebih penting bagi kita, untuk melindungi kepentingan serantau bersama, dalam dunia geopolitik yang semakin kompleks, terjejas oleh persaingan kuasa besar. Oleh itu, beta berharap dapat bekerjasama rapat dengan Thailand dalam usaha membina komuniti kita ke arah mencapai Wawasan 2024 dan merumuskan Wawasan Komuniti ASEAN 2045 (ASEAN Community Vision 2045).

Sebagai penutup, beta mengucapkan selamat maju jaya kepada Perdana Menteri serta kerajaan dan rakyat Thailand semoga terus maju dan makmur.

Terima kasih.

## WAKTU SEMBAHYANG

| OKTOBER MASIHI | HARI | RABIULAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 16 | ISNIN | 1 | 4.38 | 4.48 | 6.06 | 6.28 | 12.07 | 3.24 | 6.06 | 7.16 |
| 17 | SELASA | 2 | 4.38 | 4.48 | 6.06 | 6.28 | 12.07 | 3.24 | 6.06 | 7.16 |
| 18 | RABU | 3 | 4.38 | 4.48 | 6.05 | 6.28 | 12.07 | 3.24 | 6.06 | 7.15 |
| 19 | KHAMIS | 4 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.05 | 7.15 |
| 20 | JUMAAT | 5 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.05 | 7.15 |
| 21 | SABTU | 6 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.05 | 7.15 |
| 22 | AHAD | 7 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.04 | 7.15 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 33 / 24 °C | 33 / 24 °C | 32 / 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 / 24 °C | 33 / 24 °C | 32 / 24 °C |
| Pekan Tutong | 33 / 25 °C | 32 / 24 °C | 32 / 25 °C |
| Kuala Belait | 32 / 24 °C | 32 / 24 °C | 31 / 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 16 OKTOBER 2023

### Tenangkan jiwa, tetap semangat harungi peperiksaan

**SEBELUM** melangkah ke Cuti Penggal Ketiga Persekolahan pada bulan Disember nanti, lazimnya semua peringkat sekolah seperti peringkat rendah, menengah akan menduduki peperiksaan akhir tahun dan sudah setentunya pada bulan Oktober hingga November ini merupakan musim peperiksaan bagi para pelajar kita.

Ibu bapa dan penjaga pada ketika ini sibuk mempersiapkan anak-anak mereka sebelum menghadapi peperiksaan akhir tahun.

Tidak dapat dinafikan, ibu bapa dan penjaga mahukan anak-anak mereka meraih kecemerlangan dalam apa jua jenis peperiksaan dan berjaya ke peringkat seterusnya.

Berhubung dengan peperiksaan ini, para guru juga bertungkus-lumus menyediakan bahan-bahan untuk diulang kaji sebelum menghadapi peperiksaan dan ada sesetengah guru juga membuat kelas tambahan bagi memastikan pelajar mereka cukup bersedia menjawab soalan peperiksaan.

Dalam mengulang kaji pelajaran, ibu bapa dan penjaga seharusnya memberikan motivasi dan semangat kepada anak-anak mereka tanpa memberikan mereka tekanan kerana ia boleh menjejaskan emosi dan motivasi mereka sebelum menghadapi peperiksaan.

Apa yang penting adalah ibu bapa dan penjaga perlu memastikan kesihatan anak mereka dijaga kerana jika tahap kesihatan anak mereka tidak optimum, ini akan menjejaskan untuk mengulang kaji dan boleh menyebabkan tekanan emosi.

Dalam pada itu juga, tidur yang mencukupi juga merupakan antara perkara yang mustahak kerana ini adalah untuk memastikan para pelajar sentiasa bersemangat dan bertenaga pada keesokan harinya.

Dari segi persediaan mental pula, elakkan berfikiran negatif dan jangan memikirkan kegagalan, ketidakmampuan, sebaliknya sentiasa berfikiran positif dengan usaha dan doa beriringan.

Paling penting adalah persediaan kerohanian di mana ketenangan jiwa dan fikiran sangat penting sebelum menghadapi peperiksaan.

Ketenangan ini boleh diraih dengan rajin menunaikan solat lima waktu dan bermunajat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan Solat Hajat memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk diberikan ketenangan dan semangat semasa menghadapi peperiksaan.

Selain itu, adalah minta restu ibu bapa kerana doa ibu bapa sangat mustajab dan mohon doa daripada mereka untuk mencapai kejayaan.

Tidak lupa juga untuk sentiasa banyakkan berselawat, berzikir untuk meraih ketenangan dan keberkatan semasa menjawab soalan peperiksaan.

Oleh itu, bagi para pelajar yang sedang dan akan menghadapi peperiksaan, ulang kaji pelajaran dengan sebaiknya dan jangan lalai dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah. **- Ketua Penyuntingan (Kr)**

# Kebawah DYMM akhiri Keberangkatan Rasmi

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said**

**TOULOUSE,** Sabtu, 14 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat meninggalkan Republik Perancis setelah selesai membuat Keberangkatan Rasmi ke negara berkenaan, hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat meninggalkan tempat persemayaman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berada di Lapangan Terbang Toulouse-Blagnac bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Benard Regnauld-Fabre dan Prefect of Occitance, Pierre-André Durand.

Juga hadir bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Perancis, Puan Yang Terutama Datin Paduka Hajah Rakiah binti Haji Abdul Lamit @ Hamid.

Semasa Keberangkatan Rasmi Kebawah DYMM ke Republik Perancis, Kebawah DYMM dan Presiden Republik Perancis, Tuan Yang Terutama Emmanuel Macron telah membincangkan perkara-perkara yang berkepentingan bersama ke arah mengukuhkan lagi hubungan kerjasama dua hala antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Perancis, termasuk bidang tenaga, pertahanan,



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat meninggalkan Republik Perancis setelah selesai membuat Keberangkatan Rasmi ke negara berkenaan. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.**

keselamatan, perubahan iklim, ekonomi dan perdagangan serta usaha-usaha untuk meningkatkan lagi ASEAN-France Development Partnership.

NBD dan Republik Perancis telah menubuhkan Hubungan Diplomatik pada bulan Mei 1984. Keberangkatan Rasmi Kebawah DYMM ini adalah atas undangan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Perancis.

Di samping itu, Kebawah DYMM juga telah membuat lawatan ke M.B.D.A; mengadakan Majlis Perjumpaan bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif TotalEnergies dan membuat lawatan ke Ibu Pejabat Airbus di Toulouse-Blagnac.

# BERKENAN MELAWAT IBU PEJABAT AIRBUS






**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menaiki A330-900 serta menerbangkan pesawat berkenaan mengelilingi Toulouse.**

**TOULOUSE**, Sabtu, 14 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat membuat lawatan ke Ibu Pejabat Airbus di Toulouse-Blagnac, Republik Perancis.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Chief Commercial Officer and Head of Airbus International, Mr. Christian Scherer; dan Senior Vice-President for Southeast Asia, Mr. Kris Parampathy.

Kebawah DYMM kemudiannya disembahkenalkan kepada para pegawai pengurusan Airbus dan seterusnya menaiki A330-900 serta menerbangkan pesawat berkenaan mengelilingi Toulouse.

Sesudah mendarat, baginda beredar ke Kampus Airbus bagi sembah taklimat dan melihat *mock-up* pesawat A320.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat mengadakan lawatan di Ibu Pejabat Airbus di Toulouse-Blagnac, Republik Perancis. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas kiri dan kiri).**

PELITA BRUNEI

# KERJASAMA DIPERKUKUH, TINGKATKAN ASEAN-FRANCE DEVELOPMENT PARTNERSHIP



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menghadiri Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh Presiden Republik Perancis, Tuan Yang Terutama Emmanuel Macron dan mengadakan Majlis Perjumpaan Tête-à-tête bersama Tuan Yang Terutama. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan bawah).**

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said**

**PARIS**, Jumaat, 13 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menghadiri Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh Presiden Republik Perancis, Tuan Yang Terutama Emmanuel Macron dan mengadakan Majlis Perjumpaan Tête-à-tête bersama Tuan Yang Terutama.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Santap Malam dan Majlis Perjumpaan Tête-à-tête tersebut ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Élysée Palace dijunjung oleh Military Commander of the Presidency of the Republic, Colonel Guillaume Chantereau.

Baginda seterusnya dijunjung berangkat melintasi Barisan Kawalan Kehormatan sebelum dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Presiden Republik Perancis.

Semasa Majlis Santap Malam dan Majlis Perjumpaan Tête-à-tête yang berlangsung di Élysée Palace, Paris, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama membincangkan perkara-perkara yang berkepentingan bersama ke arah mengukuhkan lagi hubungan kerjasama dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Perancis, termasuk bidang tenaga, pertahanan, keselamatan, perubahan iklim, ekonomi dan perdagangan serta usaha-usaha untuk meningkatkan lagi ASEAN-France Development Partnership.



# BERKENAN MEMULAKAN KEBERANGKATAN RASMI KE REPUBLIK PERANCIS






KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memulakan Keberangkatan Rasmi ke Republik Perancis dengan mengadakan lawatan ke M.B.D.A. (Matra, BAE Dynamics and Alena) Missile Systems. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas, kiri dan bawah).



**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said**

**PARIS**, Jumaat, 13 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memulakan Keberangkatan Rasmi ke Republik Perancis dengan mengadakan lawatan ke M.B.D.A. (Matra, BAE Dynamics and Alena) Missile Systems dan Majlis Perjumpaan bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif TotalEnergies, hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke lawatan dan majlis-majlis tersebut ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mulanya berkenan berangkat ke Syarikat M.B.D.A di Le Plessis-Robinson, Paris di mana keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dialu-alukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif M.B.D.A., Eric Beranger dan para pegawai kanan syarikat berkenaan.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan menyaksikan tayangan demonstrasi video mengenai Air Defense Systems dan mendengar sembah penerangan mengenai produk serta perkhidmatan M.B.D.A. yang disembahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif M.B.D.A.

Kemudian, baginda berkenan menyaksikan demonstrasi simulator Kit Mistral Virtual Reality dan kemudiannya berangkat menuju ke Kawasan Pelancaran bagi menyaksikan Pameran Statik.

M.B.D.A. adalah satu-satunya syarikat di Eropah yang mereka bentuk dan menghasilkan sistem peluru berpandu dan juga peluru berpandu untuk memenuhi keseluruhan rangkaian keperluan semasa dan masa hadapan bagi ketiga-tiga cabang angkatan tentera (iaitu udara, laut dan darat) dan satu-satunya syarikat pertahanan berintegrasi yang menyediakan peluru berpandu dan sistem peluru berpandu untuk setiap cabang angkatan tentera.

Pada sebelah petang, Kebawah DYMM berkenan menerima Kunjungan Hormat daripada Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif TotalEnergies, Patrick Pouyanné yang berlangsung di Hotel Plaza Athénée, Paris.

Semasa Kunjungan Hormat tersebut, Kebawah DYMM dan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif TotalEnergies membincangkan mengenai isu-isu yang mempunyai kepentingan bersama dalam bidang tenaga dan perdagangan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Kunjungan Hormat daripada Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif TotalEnergies, Patrick Pouyanné yang berlangsung di Hotel Plaza Athénée, Paris.

PELITA BRUNEI

# BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS MERAIKAN ULANG TAHUN HARI PUJA USIA




**KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam pada Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Puja Usia baginda di Royal Berkshire, Jerudong Park & Polo Country Club, Jerudong (atas kiri dan atas kanan).**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Masri Osman, Azmah Haji Ahad**

**>> Muka 1**

Turut berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri bersama kerabat diraja yang lain dijunjung bagi mengabadikan gambar kenangan bersama ahli-ahli kumpulan.

**>> Muka 7**






**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Puja Usia baginda. Berangkat sama ialah anakanda-anakanda dan adinda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah.**




**ANTARA yang hadir pada Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri (atas kiri), manakala gambar atas kanan, turut disembahkan adalah Lagu 'Selamat Puja Usia' yang digubah khas bagi meraikan Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri.**



**PENGERUSI II Kumpulan, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Asbi semasa menyampaikan sembah alu-aluan.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja mengabadikan gambar kenangan bersama ahli-ahli kumpulan pada Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Puja Usia baginda bertempat di Royal Berkshire, Jerudong Park & Polo Country Club, Jerudong.**

**>> Muka 6**

Majlis dimulakan dengan sembah alu-aluan daripada Datin Hajah Nahriah yang antara lain menyembahkan, menjunjung kasih setinggi-tingginya atas ihsan perkenan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kerana keberangkatan baginda itu mencerminkan sikap prihatin dan sokongan baginda terhadap kegiatan-kegiatan yang diungkayahkan oleh kumpulan ini, yang antara lain terdiri daripada acara-acara berkebajikan berupa Majlis Khatam Al-Quran, Acara Sembahyang Sunat Hajat dan Majlis Doa Selamat serta Doa Kesyukuran.

"Dengan rasa penuh kesyukuran serta tulus ikhlas, ahli-ahli kumpulan ini, sukacita menyembahkan tahniah dan Selamat Puja Usia ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan berdoa semoga baginda sentiasa dalam rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, dikurniakan nikmat usia yang berkat, terus dikurniakan kesihatan yang baik, selamat, aman dan bahagia serta istiqamah dalam menjalankan amal ibadah dan amal kebajikan," sembah Datin Hajah Nahriah.

Datin Dayang Hajah Nahriah turut menyembahkan beberapa aktiviti dan sumbangan yang diberikan oleh kumpulan berkenaan kepada beberapa badan dan pihak tertentu dan di antaranya mensyiarkan acara-acara keagamaan seperti mengadakan Sambutan Israk Mikraj.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan memotong Kek Hari Puja Usia dan menerima pesambah daripada ahli-ahli kumpulan. Majlis juga diserikan dengan beberapa persembahan daripada ahli-ahli kumpulan.

Turut disembahkan adalah Lagu 'Selamat Puja Usia' yang digubah khas bagi meraikan Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah daripada ahli-ahli kumpulan.





**KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan memotong Kek Hari Puja Usia (atas kiri). Sementara gambar atas kanan dan bawah kiri, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima pesambah daripada ahli-ahli kumpulan.**





**SEBELUM berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah daripada ahli-ahli kumpulan (kanan).**

فليتا بروني
PELITA BRUNEI

# LARIAN TUTONG HALF MARATHON 2023 TARIK LEBIH 200 PESERTA

**Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin, Ihsan Jabatan Daerah Tutong**






**BERANGKAT menyertai Larian Tutong Half Marathon 2023 sejauh 21 kilometer dalam Kategori Wanita Terbuka ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman (kiri dan kanan).**

**TUTONG,** Ahad, 15 Oktober. - Lebih 200 peserta mengikuti Larian Tutong Half Marathon 2023 sejauh 21 kilometer bermula dari Taman Riadah Bukit Kinyam, Kampung Bukit Udal Tutong menuju ke Dewan Serbaguna Kampung Bukit.

Larian berkenaan merupakan anjuran Tutong Runners dan Limin Cardio Fitness dengan kerjasama Shahney Event Management, turut disokong oleh Majlis Perundingan Mukim (MPM) Ukong, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Penapar dan Kampung Bukit Udal serta MPK Bukit dan Kampung Long Mayan.

Sebanyak enam kategori dipertandingkan iaitu Lelaki Terbuka, Wanita Terbuka, Lelaki Veteran (41-48 tahun), Wanita Veteran (41-48 tahun), Lelaki Senior Veteran (49 ke atas) dan Wanita Senior Veteran (49 ke atas).

Berangkat menyertai Half Marathon berkenaan dalam Kategori Wanita Terbuka, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Pada larian berkenaan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berjaya menduduki tempat kelapan dengan catatan masa 2 jam 40 minit.

Manakala juara bagi Kategori Lelaki Terbuka dan Wanita Terbuka masing-masing disandang oleh Awang Ruzaini Mahadi dan Dayang Nordiyanah binti Siew, sementara johan dalam Kategori Lelaki Veteran dan Wanita Veteran pula masing-masing dimenangi oleh Awang Mohd. Nor Risman bin Ismail dan Tho Siaw Khim.

Sementara itu, tempat pertama dalam Kategori Lelaki Senior Veteran dan Wanita Senior Veteran pula dirangkul oleh Awang Seflie Ahar dan Dayang Husna binti Abdullah.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kampung Bukit ialah Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Hadiah bagi tempat pertama ialah wang tunai sebanyak BND400, manakala tempat kedua wang tunai sebanyak BND300 dan tempat ketiga sebanyak BND200.

Acara tersebut merupakan salah satu acara yang menggunakan pendekatan Whole of Nation Approach bila mana pihak kerajaan seperti Jabatan Daerah Tutong, Pasukan Polis Diraja Brunei bersama pertubuhan bukan kerajaan seperti TR, LCF dengan kerjasama MPM dan MPK bersatu padu mengendalikan acara-acara yang boleh mendatangkan impak kepada kemajuan sukan, pengukuhan organisasi termasuk institusi akar umbi di negara ini.

Ia juga dikukuhkan lagi dengan bantuan tajaan daripada sektor swasta seperti Hua Ho Department Store, Bank Islam Brunei Darussalam, Nazmi Textile Mall, Cityneon Displays and Construction, Mashor Waste Management, Zake Pool, Malabar Restaurant, Sabli's Food Industries dan lain-lain syarikat yang bermurah hati untuk menaja acara berkenaan.

# UBD Run 2023 : Galakkan gaya hidup sihat



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika berangkat menyertai UBD Run 2023.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Ihsan Universiti Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 15 Oktober. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) buat julung kalinya berjaya menganjurkan UBD Run 2023 bagi meraikan graduan Konvokesyen UBD Ke-35 dan mengalu-alukan pengambilan terkini Ogos 2023/2024 yang menamatkan Fresher's Week.

Seramai lebih 900 peserta mengambil bahagian dalam larian berkenaan yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara, pagi tadi.

Hadir menyempurnakan pelepasan para peserta larian ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri Haji Kifle.

Peserta larian terdiri daripada para pelajar, pensyarah, pegawai dan kakitangan UBD, serta alumni dan orang ramai yang masing-masing mendaftar untuk satu daripada tiga kategori larian iaitu Kategori Larian Fun Run 3 Kilometer (km), Kategori Larian Kompetitif Lelaki & Wanita 5km, dan Kategori Larian Kompetitif Lelaki & Wanita 10km.

Antara yang berangkat menyertai larian berkenaan ialah anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Pada acara itu, juga turut menyaksikan tiga pelari lelaki terbaik bagi Kategori Larian Kompetitif 5km dijuarai oleh Mohammad Fathur Haji Zulkifli, Muhammad Zain Haji Matussin dan Ahmad Zawawi Rasit yang masing-masing berjaya menamatkan masa larian dengan kiraan masa 18 minit 11 saat, 18 minit 32 saat dan 18 minit 35 saat.

Sementara tiga wanita teratas pula dimenangi oleh Shazana Hamiroldzam, Nursyura Rosli dan Fazrina Tuah yang masing-masing mencatatkan kiraan masa terbaik mereka 23 minit 24 saat, 24 minit 33 saat dan 25 minit 7 saat.

Dalam pada itu, tiga pelari terbaik bagi Larian Kompetitif Lelaki 10km masing-masing dijuarai oleh Muhd Haziq Syazwan Hermanti dengan catatan masa 35 minit 14 saat; Muhammad Amirul Hamdi Jamil dengan masa 35 minit 21 saat; dan Hulubalang Asgar Awang Abd Malik Awang Hidup mencatatkan kiraan masa 37 minit 52 saat.

Manakala tiga wanita teratas Larian Kompetitif Wanita 10km pula disandang oleh Noor Hanisah Haji Abdul Ghani, Erin Liam dan Nurul Amal Hana Ahlina Wardina Athirah Muntassir yang masing-masing mencatatkan masa terbaik 46 minit 33 saat, 47 minit 19 saat dan 53 minit 34 saat.

UBD Run 2023 ialah platform untuk komuniti UBD dan orang ramai untuk bersama-sama, melibatkan diri dalam aktiviti fizikal dan menggalakkan gaya hidup sihat sambil menyumbang kepada tujuan yang baik di mana sebahagian hasil daripada yuran pendaftaran acara itu akan didermakan kepada Tabung Anak Yatim Negara.

UBD juga turut melahirkan penghargaan terima kasih kepada pihak penaja berikut atas sokongan mereka dalam kejayaan UBD Run 2023, iaitu RYS Entertainment; Progresif Sdn. Bhd.; Brunei Association of Hotels (BAH); Wafa Hotel & Apartment; Treasure Cove; Sports Brunei Darussalam; UBD Corporation; Boeffi; Superwater Marketing; Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Pahaytc; Network Integrity Assurance Technologies Sdn. Bhd. (NiaT); Nurul Waheedah Contractor; Cuckoo; Hui Huang Enterprise; Syarikat Perniagaan Malar Setia; Malar Setia Marketing; AEWON; Red Canopy Café dan Go Mamam.



**ANTARA yang menyertai UBD Run 2023.**

# FADILAT SURAH AL-MULK BANTU KUKUHKAN KEIMANAN

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 Oktober. - Dua pengajaran utama daripada Surah Al-Mulk ialah pertama, tidak ada satu pun di dunia ini milik kita. Hatta, pasangan dan anak-pinak semuanya milik Allah Subhanahu Wata'ala. Kedua, Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan hidup dan mati sebagai ujian bagi manusia.

Ujian demi ujian yang diberikan sebagai saringan untuk melihat siapakah yang terbaik amalannya dalam kalangan manusia.

Maka inti sari surah ini mengajak kita untuk mengukuhkan keimanan. Inilah yang akan menyelamatkan manusia daripada segala jenis azab. Apatah lagi azab kubur. Sebab itulah fadilat surah ini dapat menyelamatkan kita daripada azab kubur.

Demikianlah antara huraian inti sari dan pengajaran ayat daripada Tadabbur Surah Al-Mulk yang disampaikan oleh Penolong Pendaftar, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin dari Masjid Kampung Bunut bagi menyemarakkan Malam Munajat Ke-107.

Acara Malam Munajat tersebut mengundang tetamu khas, Yang Dipertua Ikatan Persatuan Belia Bunut (IKERAB), Awang Muhammad Adi Faisal bin Haji Omar yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dari Masjid Kampung Bunut.

Mengimarahkan lagi acara tersebut ialah Belia IKERAB; tenaga akademik UNISSA dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah serta Belia Masjid Kampung Bunut serta masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat sebanyak 89 buah di seluruh negara.

Turut sama mengimarahkan program, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Juga meramai-ramaikan, warga kerja Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan jabatan-jabatan serta institusi pendidikan di bawahnya bersama keluarga dari kediaman masing-masing.

Sejurus selesai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diteruskan dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Belia IKERAB, Awang Md. Nadzri bin Haji Abd. Karim dari Masjid Kampung Bunut.

Diikuti bacaan Doa Munajat oleh Pengarah Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah, KUPU SB, Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Omar dari Masjid Kampung Bunut.



**ANTARA yang hadir pada Malam Munajat Ke-107 ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.**

Sejurus selesai Tadabbur, bacaan Asmaul Husna dipimpin oleh Belia Masjid Kampung Bunut, Awang Abu Yazid AlBusthami bin Haji Abas dari masjid berkenaan.

Bagi memberkati acara Malam Munajat, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pegawai Pemantau Zon 2, Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Muhd. Azrol Alim bin Haji Zaini.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, meminta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai adalah sangat dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan *https://tiny.cc/munajatkheu* atau *https://www.facebook.com/pdi.kheu*.

# Sesi Muzakarah Ahli MMN bersama Kementerian Pendidikan

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**





**YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku Pengerusi Majlis bagi Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) (atas), manakala gambar kanan, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN semasa menyaksikan salah satu aktiviti pelajar.**

**TEMBURONG**, Sabtu, 14 Oktober. - Kementerian Pendidikan pagi tadi mengadakan Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bertempat di Dewan Persidangan Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong.

Permuzakarahan berkenaan merupakan acara tahunan bagi Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat, Jabatan Perdana Menteri bersama kementerian-kementerian dan agensi-agensi berkepentingan.

Sesi Muzakarah bersama Kementerian Pendidikan dihadiri seramai 17 Ahli MMN yang diketuai oleh Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Hadir selaku Pengerusi Majlis Sesi Muzakarah berkenaan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Turut hadir ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib-naib Canselor, Rektor, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan di Kementerian Pendidikan.

Sesi Muzakarah berkenaan dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang menyentuh mengenai Pelan Strategik Kementerian Pendidikan yang baharu (2023 hingga 2027) dan inisiatif-inisiatif yang dijalankan dalam mendukung dan merealisasikan visi dan misi Kementerian Pendidikan, iaitu 'Untuk Menyediakan Pendidikan Yang Berkualiti dan Holistik Untuk Kehidupan Pelajar Yang Bermatlamat' bagi mencapai visi 'Pendidikan Berkualiti, Negara Progresif'.

Juga dikongsikan ialah beberapa inisiatif atau usaha Kementerian Pendidikan antaranya bagi meningkatkan kemahiran Teknologi Maklumat (IT) dalam kalangan pelajar di peringkat rendah, menengah dan peringkat pengajian tinggi melalui pelbagai program yang dikendalikan oleh pihak Science, Technology dan Environmental Partnership Centre (STEP Centre) dan pembinaan Standard Literasi Digital yang disediakan oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum bagi meningkatkan kemahiran digital dalam kalangan pelajar dengan trend teknologi masa kini.

Di samping itu, penyediaan Rangka Kerja Kurikulum Khas bagi penubuhan sekolah khas swasta pertama bagi para pelajar berkeperluan khas tahap tinggi (PL4 dan PL5) yang dijangka akan mula beroperasi pada awal 2024; serta pembangunan sumber tenaga manusia melalui program dan latihan untuk melengkapkan para tenaga kerja di Kementerian Pendidikan dengan latihan-latihan profesional yang terbaik dan terkini.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga turut mengongsikan mengenai jalinan hubungan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan seperti Manpower Industry Steering Committee for Energy (MISC Energy), Manpower Planning Employment Council (MPEC), Kementerian Kesihatan, JobCentre Brunei (JCB) dan pakar-pakar industri untuk menyediakan *internship placement* agar para pelajar terdedah kepada pekerjaan, selaras dengan jurusan masing-masing.

Turut diketengahkan ialah mengenai penyediaan kemudahan dan infrastruktur dalam usaha untuk menaik taraf dan menambah bangunan sekolah-sekolah rendah dan institusi pengajian tinggi yang telah usang dan tidak mampu menampung keramaian pelajar.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga menyentuh mengenai penglibatan secara berterusan Ahli-ahli MMN, para ibu bapa dan penjaga serta masyarakat, yang amat diperlukan dalam mendukung dan merealisasikan visi dan misi Kementerian Pendidikan bagi mencapai visi 'Pendidikan Berkualiti, Negara Progresif'.

Sejurus itu, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali selaku Ketua Rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN Tahun 2023 juga menyampaikan ucapan balas semasa permuzakarahan berkenaan.

Permuzakarahan seterusnya diikuti dengan Sesi Dialog di antara Ahli-ahli MMN dan pihak Kementerian Pendidikan.

Sesi Dialog berkenaan diadakan dalam suasana silaturahim dan secara terbuka bagi perkongsian maklumat, isu dan cadangan yang sudah setentunya dapat memberi manfaat kepada Kementerian Pendidikan dalam usaha bagi merealisasikan Matlamat 1 Wawasan Brunei 2035, iaitu 'Rakyat yang Berpendidikan Tinggi, Berkemahiran dan Berjaya' serta meningkatkan lagi kualiti pendidikan di negara ini.

# NBD - UAE METERAI MOU KERJASAMA KESELAMATAN SIBER




**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

**>> Muka 1**

Manakala Ketua Head of Cyber Security, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamed Hamad Al Kuwaiti, mewakili Kerajaan UAE.

Penandatanganan berkenaan menyerlahkan lagi komitmen bersama kedua-dua negara untuk memupuk persekitaran siber yang selamat dan berdaya tahan. Ia menggariskan visi bersama NBD dan UAE untuk meningkatkan langkah keselamatan siber dan mengukuhkan kerjasama antarabangsa dalam menangani ancaman siber yang berkembang secara berkesan.

Permuafakatan berkenaan merangkumi inti pati pakatan strategik, yang menekankan komitmen kedua-dua negara untuk memerangi cabaran siber dan memupuk kerjasama dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan trend dan perkembangan terkini dalam keselamatan siber, cabaran dan ancaman keselamatan siber yang dihadapi, strategi dan amalan terbaik dalam tindak balas kepada insiden keselamatan siber dan pemulihan, dan pendidikan dan kesedaran keselamatan siber.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi seterusnya akan menghadiri dan menyertai sebagai ahli panel di Persidangan GITEX Global Cybersecurity yang akan diadakan pada 16 Oktober 2023 di Dubai World Trade Centre (DWTC), Dubai.

Dengan tema 'The Year to Imagine AI in Everything', persidangan berkenaan adalah sebagai platform utama bagi pemimpin dunia, para pakar daripada industri serta penggubal dasar dalam membincangkan dan berkongsi pandangan mengenai strategi-strategi terkini dalam keselamatan siber.




**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir pada Majlis Penandatanganan MoU bersama Ketua Head of Cyber Security, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamed Hamad Al Kuwaiti (kiri dan kanan).**

Turut serta menyertai semasa Majlis Penandatanganan MoU berkenaan ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke UAE, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), MTIC, Awang Haji Hairul Mohd Daud bin Haji Abdul Karim; Pesuruhjaya Interim Cyber Security Brunei (CSB), Awang Shamsul Bahri bin Haji Kamis, dan juga disertai oleh para pegawai kanan dari MTIC dan CSB.




# Pejabat Peguam Negara raikan Maulidur Rasul

**Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 14 Oktober. - Sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Pejabat Peguam Negara mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1445 Hijrah / 2023 Masihi di Dewan Jubli Emas, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

Majlis turut dihadiri oleh para pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, ayat 81 hingga 83 dari Surah Ali Imran oleh naib johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1443H / 2022M, Awang Abdul Haziq Syarafuddin bin Abdul Habib.



**CERAMAH Khas disampaikan oleh Pemangku Penolong Rektor (Penyelidikan, Antarabangsa dan Perkhidmatan) Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Awang Haji Hambali bin Haji Awang Jaili.**



**YANG Berhormat Peguam Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1445 Hijrah / 2023 Masihi (kanan). Manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**



Majlis diteruskan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Sunnah Dihayati, Hidup Diberkati' yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Rektor (Penyelidikan, Antarabangsa dan Perkhidmatan) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Hambali bin Haji Awang Jaili.

Ini diikuti dengan sebuah Persembahan Dikir Marhaban daripada para pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara yang dipimpin oleh Awang Ahmad Firdaus bin Haji Mohamed.

Sambutan berkenaan merupakan salah satu acara keagamaan yang diadakan setiap tahun anjuran Jawatankuasa Acara Keagamaan Pejabat Peguam Negara.

# SMARTER BRUNEI RAI ULANG TAHUN KE-22



**SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Persatuan SMARTER Brunei Ke-22.**

**GADONG**, Ahad, 15 Oktober. - SMARTER Brunei yang mula ditubuhkan oleh mantan Presiden SMARTER Brunei, Allahyarham Malai Haji Abdullah bin Malai Haji Othman pada tahun 2001 kini telah berkembang kepada tiga buah pusat, menempatkan lebih daripada 120 pelajar anak-anak syurga.

Sepanjang 22 tahun yang lalu, SMARTER Brunei telah mencapai banyak kejayaan dan menyaksikan kemajuan yang luar biasa.

"Bersama-sama, kami telah mewujudkan komuniti yang bukan sahaja menyokong individu autisme tetapi juga memperkasakan mereka untuk mencapai potensi sepenuhnya.

"Ia merupakan suatu penghormatan untuk menjadi sebahagian daripada perjalanan ini dan menyaksikan pelbagai kegembiraan dan keajaiban yang telah dialami oleh SMARTER Brunei," ujar Presiden SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang semasa Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Persatuan SMARTER Brunei Ke-22 yang berlangsung di Pusat SMARTER EDGE, Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong, hari ini.

Menurut Pengiran Zamri, guru memainkan peranan yang tidak ternilai dalam kehidupan individu autisme. Mereka adalah wira yang tidak didendang yang memberi inspirasi, mendidik dan memupuk bakat dan kebolehan unik setiap kanak-kanak.

Beliau juga menyatakan rasa syukur kerana menerima Anugerah Kebajikan dan Pembangunan Sosial Cemerlang ASEAN (AOSWADA) selain turut sama-sama meraikan Sambutan Hari Guru di Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Turut hadir, Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada, Australia, Indonesia, Singapura, Thailand dan Bangladesh serta ibu bapa penjaga pelajar.

Acara turut menyaksikan, Datin Rani Alexander, salah seorang tenaga pengajar SMARTER diberi pengiktirafan kepada atas dedikasi dan sokongan beliau selama lapan tahun kepada SMARTER Brunei.

Majlis diteruskan dengan Upacara Memotong Kek Ulang Tahun Penubuhan SMARTER Brunei Ke-22 yang disempurnakan bersama oleh tetamu kehormat dan Presiden SMARTER Brunei disusuli dengan persembahan lagu daripada guru-guru dan warga SMARTER Brunei.

**Berita dan Foto : Aimi Sani**



**ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.**

# Bekal pengetahuan awal mengenai dunia kerjaya



**PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Program Hiwar Kerjaya bersama Rabitah Alumni Al-Azhar.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 Oktober. - Dalam usaha membantu dan mempersiapkan para lepasan graduan Universiti Al-Azhar menghadapi cabaran pasaran kerja pada masa ini, Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Al-Syarif Brunei Darussalam melalui Lajnah Tarbiyah dan Da'wah buat julung kalinya mengadakan Program Hiwar Kerjaya bersama Rabitah Alumni Al-Azhar, hari ini.

Seramai lebih kurang 37 peserta terdiri daripada para lepasan graduan Universiti Al-Azhar yang menamatkan pengajian pada tahun 2020-2023 mengikuti program berkenaan yang diadakan di Dewan Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Tetamu kehormat dalam ucapannya antara lain menyarankan, agar Alumni Al-Azhar dapat mengambil manfaat ilmu melalui Program Hiwar Kerjaya ini.

"Hiwar Kerjaya dan melalui platform ini kita akan sama-sama bekerjasama, berfikir di luar kotak, menganalisis maklumat dan dapat berkomunikasi dengan cara yang berhemah," ujarnya.

Beliau juga berharap, Program Hiwar Kerjaya akan menjadi platform yang seterusnya membuka ruang kepada Rabitah bekerjasama dengan badan-badan organisasi bukan kerajaan dalam menangani bersama cabaran dunia pekerjaan yang semakin berubah dan kompetitif.

Tambahnya, antara program yang difikirkan dapat dimanfaatkan ialah bimbingan kerjaya, perkongsian kejayaan daripada para usahawan dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam pekerjaan (*softskill*).

Program dimulakan dengan sesi pertama iaitu taklimat daripada JobCentre Brunei (JCB) yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I, Awang Mohammad Khairi Ihsannudin Isnon bin Ismail.

Manakala sesi kedua ialah Sesi Hiwar Kerjaya yang melibatkan empat panel terdiri daripada para Alumni Universiti Al-Azhar yang memiliki kerjaya dalam pelbagai bidang.

Panel-panel yang dijemput ialah siswazah Ph.D UNISSA, Dayang Hajah Aiman Samhani binti Haji Halim; Pegawai Tentera Darat Diraja Brunei (penerima Sword of Honor), Leftenan Awangku Mohammad Qamarussalihin bin Pengiran Mohammad Saifuddin; Syariah Reviewer BIBD, Awang Md. Haneesuddin bin Sakdon dan Awang Mohammad Alwendy bin Mohammad Fadillah, seorang pengusaha berjaya dan Pengasas Syarikat Elsouq.bn Enterprise.

Antara perkongsian tersebut sesi ada ditekankan mengenai hala tuju kerjaya dan peluang melanjutkan pelajaran pada peringkat tertinggi.

Ia juga membuka minda kepada peserta-peserta program mengenai peluang pekerjaan yang boleh diterokai di sektor kerajaan, swasta dan keusahawanan di samping membekalkan pengetahuan awal mengenai kemahiran yang diperlukan, cabaran semasa dan akan datang mengenai dunia kerjaya.

Program diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan sijil penghargaan kepada wakil fasilitator JCB dan ahli-ahli panel Hiwar Kerjaya yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Hasil program tersebut diharapkan dapat memberi manfaat dan faedah kepada para alumni bagi memantapkan persediaan mereka dalam pencarian kerja dan meneruskan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Turut hadir, Ra'es Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Haji Awang Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Naib Ra'es I, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Naib Ra'es II, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad dan Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif serta Pengerusi-pengerusi Lajnah Rabitah.

**Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani**



**SESI pertama taklimat daripada JobCentre Brunei yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I, Awang Mohammad Khairi Ihsannudin Isnon bin Ismail.**




**PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap KHEU semasa sesi bergambar ramai pada majlis tersebut.**

# MESYUARAT BERIKAN RINGKASAN, PERKEMBANGAN TERKINI BIDANG KARDIOLOGI




Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**JERUDONG**, Ahad, 15 Oktober. - Lebih 500 peserta terdiri daripada para doktor, jururawat dan profesional kesihatan bersekutu menghadiri Mesyuarat Saintifik Tahunan Ke-10 yang diadakan oleh Persatuan Jantung Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat Saintifik Tahunan Ke-10 dengan temanya 'To Reduce The Burden Of Cardiovascular Diseases' berlangsung di Indera Samudera, The Empire Brunei, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin.

Majlis dimulakan dengan ucapan daripada Presiden Persatuan Jantung Negara Brunei Darussalam, Dr. Nadzir Juanda dan diteruskan dengan perasmian mesyuarat yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Setelah itu diikuti dengan Kuliah Plenary yang disampaikan oleh Profesor Carlos Aguiar dari Hospital Santa Cruz di Carnaxide, Portugal, mewakili Persatuan Kardiologi Eropah dengan tajuknya 'Masa depan kegagalan jantung - ke mana kita akan pergi dari sini?', berdasarkan pelancaran Garis Panduan Kegagalan Jantung Brunei Darussalam pada 13 Oktober 2023 baru-baru ini.

Ini disusuli dengan sesi Kuliah Jemputan daripada pakar serantau Brunei dan ASEAN terdiri daripada Dr. Izyan Mohammad dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Dr. Rosli Mohd Ali dari Malaysia dan Dr. Pipin Kojodjojo dari Singapura.

Mesyuarat diisikan dengan Pertandingan Poster Saintifik dengan 12 abstrak saintifik yang dibentangkan oleh penyelidik perubatan di seluruh NBD yang diadili oleh fakulti antarabangsa dan kemudiannya penganugerahan hadiah kepada pemenang pertandingan.

Acara diakhiri dengan ucapan penutup daripada Pengerusi Saintifik, Dr. Sofian Johar yang merakamkan ucapan terima kasih kepada semua peserta dan ucapan tahniah kepada para pemenang Pertandingan Poster Ilmiah.

Menerusi mesyuarat tersebut diharapkan dapat memberikan ringkasan dan perkembangan terkini dalam bidang kardiologi kepada semua peserta bagi membantu mengurangkan beban penyakit tidak berjangkit di NBD.

Turut hadir, Presiden Persatuan Jantung Kebangsaan Malaysia, Dr. Alan Fong; Presiden Persatuan Jantung Filipina, Dr. Ronald Cuyco dan Presiden Persekutuan Kardiologi ASEAN, Dr. Rungroj



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada perasmian Mesyuarat Saintifik Tahunan Ke-10 yang diadakan oleh Persatuan Jantung Negara Brunei Darussalam (kiri dan atas).**





**UCAPAN daripada Presiden Persatuan Jantung Negara Brunei Darussalam, Dr. Nadzir Juanda (kiri sekali), manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

# Hayati sunnah Rasulullah dalam kehidupan seharian



**MAJLIS kemuncak Program Habibi Ya Rasulullah bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dimeriahkan dengan Pertandingan Dikir Syarafil Anam.**

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu,14 Oktober. - Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar mengingatkan mengenai kepentingan untuk seluruh umat Islam menghayati dan mengamalkan sunnah-sunnah Rasulullah khususnya dalam kehidupan seharian.

Tambahnya, kerana dengan cara begitu akan mampu menghidupkan, mendalamkan dan menambahkan lagi rasa cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Pada Majlis Habibi Ya Rasulullah berlangsung di Dewan Tarbiah KUPU SB, hari ini, Dr. Haji Adanan seterusnya menekankan dalam mengamalkan sunnah, kita juga perlu untuk mempelajari, memahami dan menghayati segala aspek perbuatan dan percakapan Rasulullah sebagai contoh dalam konteks berdikir dan berzikir.

"Ia bukan hanya sekadar disebut tetapi perlu untuk kita memahami makna dan menghayati hikmah di sebaliknya agar ia dapat memberi kesan terhadap diri kita terutama hati," ujarnya.

Majlis kemuncak Program Habibi Ya Rasulullah bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu dimeriahkan dengan Pertandingan Dikir Syarafil Anam yang dijuarai oleh Kumpulan Program Diploma Tertinggi Perguruan Ugama Tahun 1.

Ra'es KUPU SB yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang bagi pertandingan-pertandingan yang telah diadakan sebelumnya iaitu Pertandingan Poster dimenangi oleh Awang Muhammad Hadif Fahmi bin Haji Awang Jamain.

Sementara itu, bagi Pertandingan Tazkirah disandang oleh Dayang Norafifah binti Haji Latif dan Pertandingan Musabaqah Al-Quran dijuarai oleh Awang Muhammad Nur Razin bin Rosli.

Pelbagai aktiviti dilaksanakan sepanjang Program Habibi Ya Rasulullah termasuk Pertandingan Tazkirah, Pertandingan Dikir Syarafil Anam se-IPT dan mencipta poster, Musabaqah Tilawah Al-Quran, Forum Ilmiah dan Jualan Mini Bazar.

Adapun objektif program anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar antara lain bagi menanai rasa cinta dan kasih dalam menghidupkan dan mengamalkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta mengingati dan menghayati hari kelahiran Baginda.

Selain itu, ia juga berobjektif untuk menerapkan sifat sentiasa ingat kepada Allah dan Rasulullah serta menyebarkan dakwah atau pesanan yang baik kepada masyarakat dan mengeratkan hubungan silaturahim dan ukhuwah serta mewujudkan semangat bersaing secara sihat dan profesional di antara warga KUPU SB.

**OBJEKTIF program anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar antara lain bagi menanai rasa cinta dan kasih dalam menghidupkan dan mengamalkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta mengingati dan menghayati hari kelahiran Baginda. Selain itu, ia juga berobjektif untuk menerapkan sifat sentiasa ingat kepada Allah dan Rasulullah serta menyebarkan dakwah atau pesanan yang baik kepada masyarakat dan mengeratkan hubungan silaturahim dan ukhuwah serta mewujudkan semangat bersaing secara sihat dan profesional di antara warga KUPU SB.**

سرواه سوچي

# ڤرإيڠتن سبلوم هاري قيامة

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كفدان. سسڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ اياله اورڠ يڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، براوله كحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوݢ دأخيرة.

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة الأعراف آية ١٨٧:

**مريك برتاڽ كڤدامو (واهي نبي محمد) تنتڠ هاري قيامة: "بيلاكه ترجادين؟" كاتاكنله: "سسڠݢوهڽ علمو مڠناٴين هاڽله اد دسيسي توهنكو، تياد سسياڤ ڤون يڠ داڤت منجلسكن (كتتڤن) وقتوڽ ملاٴينكن دي. (هورو-هارا) هاري قيامة ايت ساڠتله برت (باݢي مخلوق-مخلوق) يڠ اد دلاڠيت دان دبومي. اي تيدق اكن داتڠ كڤد كامو ملاٴينكن دڠن سچارا مڠجوت." مريك برتاڽ كڤدامو سأوله-اوله اڠكاو بنر-بنر مڠتهوين. كاتاكنله: "سسڠݢوهڽ علمو مڠناٴين هاڽله اد دسيسي الله تتاڤي كباڽقن مأنسي تيدق مڠتهوي (سبب درهسياكن بيلا برلاكوڽ هاري قيامة ايت)".**

جماعه يڠ درحمتي الله،

هاري قيامة اداله هاري يڠ تله دجنجيكن اوله الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ يڠ ڤستي اكن ترجادي. اكن تتاڤي بيلا برلاكوڽ هاري قيامة ايت تيدقله داڤت دكتهوي، اين كران هاري قيامة اداله انتارا ليما ڤركارا غائب يڠ درهسياكن وقتو دان هارين اوله الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ.

**درڤد أبو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا يڠ برمقصود: اد ليما ڤركارا يڠ هاڽ دكتهوي اوله الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. كمودين رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مماچكن: سسڠݢوهڽ الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، هاڽ ڤد ذاتن سهاجله ڤڠتهوان تنتڠ قيامة. دان دياله يڠ منورونكن هوجن، دان مڠتهوي اڤ يڠ اد ددالم رحيم. دان تياد سأورڠ ڤون يڠ داڤت مڠتهوي (دڠن ڤستي) اڤ يڠ اكن داوسهاكنڽ إيسوق. دان تياد سأورڠ ڤون يڠ داڤت مڠتهوي دبومي مان دي اكن ماتي. سسڠݢوهڽ الله مها مڠتهوي لاݢي مها مڠنل. {حديث رواية إمام مسلم}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

سسڠݢوهڽ الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دڠن رحمة دان كاسيه سايڠڽ تله منونجوقكن كڤد كيت تندا-تندا قيامة، اݢر اورڠ-اورڠ يڠ بردوسا سمڤت برتوبة سرت اورڠ-اورڠ يڠ برإيمان دان برتقوى ايت داڤت ممڤرتيڠكتكن لاݢي عمل عباده دان عمل كباجيقن مريك.

رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم حديث بݢندا تله ممبري ڤرإيڠتن دان منرڠكن تنتڠ تندا-تندا سبلوم داتڠ دان منجلڠ هاري قيامة سباݢيمان حديث يڠ دروايتكن اوله إمام مسلم، **درڤد حُذَيْفَة بن أَسِيد الغِفَارِي رَضِيَ اللهُ عَنْهُ كاتن، تله مونچول رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دسمڤيڠ كامي اڤبيل كامي سدڠ بربينچڠ. مك بݢندا برتاڽ: اڤ يڠ كامو بينچڠكن؟ مريك منجواب: كامي سدڠ ممبيچاراكن ڤريحال السَّاعَة (هاري قيامة). لالو نبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا يڠ برمقصود: "سسڠݢوهڽ اي (هاري قيامة) تيدق اكن برلاكو ملاٴينكن ستله كامو مليهت سبلوم درڤداڽ سڤولوه تندا". كمودين بݢندا صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مڽبوت (تندا-تندا ترسبوت): أسڤ، دَجَّال، الدَّابَّة، تربيتڽ متهاري دري بارت، توروڽ نبي عيسى، يَأجُوج دان مَأجُوج دان تيݢ ݢرهان يايت ساتو ݢرهان دتيمور، ساتو ݢرهان دبارت دان ساتو لاݢي ݢرهان درنتو اتو جزيره عرب. ستروسڽ، يڠ ترأخير اداله كلوارڽ اڤي دري يَمَنْ يڠ مڠهالو مأنسي كمحشر مريك."**

ڤد هاري قيامة، كيت تيدق اكن داڤت لاري دان برسمبوڽي منچاري تمڤت انتوق برليندوڠ ملاٴينكن اورڠ-اورڠ يڠ دليندوڠي اوله ناوڠن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم حديث بݢندا اد مڽاتكن دڠن جلس بهاوا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ تله منجنجيكن ناوڠن اتوڤون ڤرليندوڠن ڤد هاري قيامة كلق كڤد توجوه ݢولوڠن مأنسي.

**إمام بخاري مريوايتكن، درڤد أبو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا يڠ برمقصود: "اد توجوه ݢولوڠن مأنسي يڠ اكن منداڤت ناوڠن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ڤد هاري يڠ تيدق اد ناوڠن كچوالي ناوڠنڽ. ڤرتام، ڤميمڤين يڠ عادل. كدوا، سأورڠ ڤمودا يڠ ممبيوقكن ديرين دڠن عباده كڤد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. كتيݢ، سأورڠ يڠ هاتيڽ سنتياس ترڤاوت ڤد مسجد. كأمڤت، دوا اورڠ يڠ ساليڠ منچينتاٴي كران الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، بركومڤول دان برڤيسه كران الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ جوا. كليم، سأورڠ للاكي يڠ دأجق برزنا اوله وانيتا يڠ كاي دان جنتيق تتاڤي اي منولقڽ سمبيل بركات "اكو تاكوت كڤد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ". كانم، سسأورڠ يڠ برصدقه سچارا رهسيا هيڠݢ سأوله-اوله تاڠن كيريڽ تيدق مڠتهوي اڤ يڠ دإنفقكن اوله تاڠن كانڽ، دان كتوجوه، سأورڠ يڠ برذكر كڤد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ كتيك برسنديرين هيڠݢ برليڠڠ أير ماتڽ باسه كران مناڠيس."**

جماعه يڠ درحمتي الله،

كيڤقان تندا-تندا اتوڤون علامت-علامت كچيل هاري قيامة ايت تله دان سدڠ برلاكو ددالم كهيدوڤن كيت، سباݢي چونتوه: ماس يڠ تراس ڤينديق دان برلالو دڠن بݢيتو چڤت سهيڠݢ ترداڤت سݢلينتير درڤد كيت يڠ مراساكن تيدق ممڤوڽاٴي ماس يڠ چوكوڤ انتوق مڠوروسكن كڤرلوان دان كهيدوڤن سهارين.

كنتهويله، بهاوا ماس اتو وقتو يڠ برلالو دڠن چڤت دان ڤنتس ايت اداله ترماسوق دالم تندا-تندا همڤير برلاكوڽ هاري قيامة. **درڤد أبو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا يڠ برمقصود: تيدق اكن برلاكوڽ قيامة سهيڠݢ دأڠكت علمو، باڽقڽ برلاكو ݢمڤا، ماس برلالو دڠن ڤنتس، ترظاهرڽ فتنه-فتنه دان باڽقڽ ڤمبونوهن." {حديث رواية إمام بخاري}**

مسسڠݢوهڽ تندا-تندا تنتڠ منجلڠ هاري قيامة ايت مروڤاكن ساتو حكمه يڠ ڤاليڠ بسر كڤد سلوروه مأنسي. اي مروڤاكن تنبيه اتوڤون ڤرإيڠتن درڤد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ.

سباݢي همبا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ يڠ ماسيه دڤينجمكن أوسيا دان كهيدوڤن، كيت هندقله سنتياس برأوسها منيڠكتكن إيمان دان تقوى كيت اݢر كيت تيدق لالي دان ليکا دڠن أوروسن حال إحول دنياوي. سلاݢي كيت ماسيه دبري نعمت أوسيا، كصيحتن دان بايق لاݢي، ماريله كيت ممڤرسياڤكن ديري دڠن ممڤرباڽقكن عمل عباده دان عمل كباجيقن سباݢي بكل انتوق منوجو كبهاݢيأن هيدوڤ دأخيرة كلق كران كيت تيدق تاهو بيلاكه تيبا ماسڽ أجل ايت داتڠ ممڠݢيل كيت. موده-مودهن دڠن يڠ دمكين كيت اكن منجادي همبا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ يڠ اكن منداڤت حسن الخاتمة يايت كسودهن يڠ بايك دان بوكن سوء الخاتمة يايت كسودهن يڠ بوروق. آمين يا رَبَّ العالمين.

**اڤبيل بومي دݢݢركن دڠن ݢݢرن يڠ قوات. دان بومي مڠلواركن سݢل إيسين. دان مأنسي بركات: "اڤ يڠ ترجادي كڤد بومي؟". ڤد هاري ايت بومي ڤون مڠخبركن بريتا-بريتاڽ. بهاوا سسڠݢوهڽ توهنمو تله ممرينتهكن (يڠ دمكين ايت) كڤداڽ. ڤد هاري ايت مأنسي كلوار (دري قبور ماسيڠ-ماسيڠ) دالم كاداٴن برماچم-ماچم سوڤاي دڤرليهتكن كڤد مريك (بالسن) ڤكرجأن مريك. مك سسياڤ يڠ مڠرجاكن كباٴيكن سكاليڤون سبرت ذره، نسچاي دي اكن مليهت (كنجارن)ڽ. دان سسياڤ مڠرجاكن كجاهتن سكاليڤون سبرت ذره ، نسچاي دي اكن مليهت (بالسن)ڽ. {سورة الزلزلة آية : ١-٨}**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي القرآن الْعَظِيم، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَات وَالذِّكْرِ الْحَكِيم. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّائِبِينَ.**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Rujukan Tawaran :**
**JPM / PT / 4.17 / AH / 2024**

**Jemputan Sebut Harga Bagi Kenderaan Sewa Adhoc Jabatan Perdana Menteri Kenderaan Untuk Didaftarkan Bagi Keperluan Membawa Tetamu Peringkat Setiausaha Tetap Yang Dipohonkan Oleh Kementerian / Jabatan Kerajaan**

TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat dan orang-orang persendirian yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan memegang Kad Pintar berwarna Kuning atau Penduduk Tetap Kad Pintar berwarna Ungu dan juga dari syarikat-syarikat Kereta Sewa Pandu Sendiri (KSPS) untuk memberikan sebut harga bagi menyewakan kenderaan secara ADHOC (jika ada keperluan sahaja) di bawah kawalan Unit Kenderaan, Jabatan Perdana Menteri.

**Tarikh Tutup :**
**Tidak lewat dari Selasa, 7 November 2023. Jam 2.00 Petang.**

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan danTajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 143 / 23 - 24 : Mencetak Barangan Merchandise RTBGO**

**Bayaran Yuran :**
**BND5.00 (Tidak dikembalikan) (Termasuk e-dokumen)**

**Salinan Kertas :**
**BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)(*Hardcopy*)**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu, 25 Oktober 2023. Jam 2.00 Petang.**

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran :**
**JDBM / Q / 38 / 2023**

**Tajuk Tawaran :**
**Preventive Maintenance Rates For Fire Protection System At New Building and Old Building, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam For the Period Of One (1) Year.**

**Tarikh Tutup :**
**Tidak Lewat Selasa, 31 Oktober 2023. Jam 2.00 Petang.**

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 137 / 23 - 24 : Perkhidmatan Penggambaran dan Pos Produksi (Penyuntingan) Bagi Rancangan Kanak-Kanak, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 138 / 23 - 24 : Penggambaran dan Penyuntingan Program Realiti TV, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei**

**Bayaran Yuran :**
**BND5.00 (Tidak dikembalikan) (Termasuk e-dokumen)**

**Salinan Kertas :**
**BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan) (*Hardcopy*)**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu, 25 Oktober 2023. Jam 2.00 Petang.**

---

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Jemputan untuk Permintaan Maklumat (RFI) bagi Digital Assessment for Student Learning Survey (NILAi) Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam**

**Jabatan Peperiksaan Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam**

**Jemputan untuk Permintaan Maklumat (RFI) bagi Digital Assessment for Student Learning Survey (NILAi)**

**Tarikh Tutup :**
**Isnin, 30 Oktober 2023. Jam 2.00 Petang.**

---

**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas :**
**II, III, IV dan V**

**Kategori :**
**KPB12**

**Tarikh Buka Tawaran Pada :**
**Isnin, 16 Oktober 2023.**

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
**Selasa, 7 November 2023.**

**Tarikh Tutup pada :**
**Selasa, 14 November 2023. Sebelum jam 2.00 Petang.**

**(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam).**

**JASTRE / BL / T014 / 2023**

**Kerja-Kerja Pemeliharaan dan Penyelenggaraan Luaran Bagi Perumahan VIP Istana Edinburgh, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Dua (2) Tahun.**

**No. Projek :**
**JASTRE / BL / T014 / 2023**

**Jumlah Yuran Tawaran :**
**BND10.00 (Tidak dikembalikan)**

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Sebut Harga**

**Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 131 / 23-24 Perkhidmatan Penggambaran, Penyuntingan dan Grafik Bagi Rancangan Terbitan UHTV**

**Bayaran Yuran :**
**BND5.00 (Tidak dikembalikan) (Termasuk e-dokumen)**

**Salinan Kertas :**
**BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan) (*Hardcopy*)**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu, 25 Oktober 2023. Jam 2.00 Petang.**

---

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga :**
**35 / JMM / S / 12 / 91 (2023/2024)**

**Tajuk Sebut Harga :**
**Pembelian Peralatan Rakaman Video Bahagian Arkib Negara Brunei Darussalam, Jabatan Muzium-Muzium**

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
**Khamis, 9 November 2023. Jam 2.00 Petang.**

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Iklan Lanjutan**

**Rujukan Tawaran :**
**MINDEF / DFA / INFRA / FY2023 / T / GEN / 004 [JPPK / LTN / 11 / 2023] : Proposed Design & Build For Infrastruktur Keupayaan Pertahanan Udara Markas Cawangan No.2, Hangar 238, MRAD Hangar**

**Tarikh Mula Tawaran :**
**25 September 2023.**

**Kelas :**
**VI Sahaja**

**Kategori :**
**KA01 & B01**

**Tempoh Penyiapan Kerja :**
**Lapan Belas (18) Bulan**

**Yuran Tawaran :**
**BND1,000.00 (Tidak dikembalikan)**

**Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 31 Oktober 2023.**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Selasa, 7 November 2023. Jam 2.00 Petang.**

---

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Sebut Harga :**
**36 / JMM / S / 12 / 91 (2023/2024)**

**Tajuk Sebut Harga :**
**Pembelian Mesin Memotong Kertas (Paper Cutter), Bahagian Pemeliharaan dan Pembaikkan, Jabatan Muzium-Muzium**

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
**Khamis, 9 November 2023. Jam 2.00 Petang.**

**JABATAN KEHAKIMAN NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI**

Iklan Sebut Harga

1. Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
JKN / BPEA / SH / A / 2023-2024 (1)
Kerja - Kerja Pemeliharaan dan Penaiktarafan Bagi Pintu dan Kawasan Di Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah - Mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan.

Tarikh Sesi Penerangan (Information Session) Akan Diadakan Pada Rabu, 18 Oktober 2023 Jam 9.30 Pagi

Tempat Berkumpul Di Kawasan Lobi Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah

2. Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
JKN / BPEA / SH / A / 2023-2024 (2)
Perkhidmatan Pemotongan Pokok Besar Di Kawasan Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah - Mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan.

Tarikh Sesi Penerangan (Information Session) Akan Diadakan Pada Khamis, 19 Oktober 2023, Jam 9.30 Pagi

Tempat Berkumpul Di Kawasan Lobi Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah

3. Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
JKN / BPEA / SH / C / 2023-2024 (1)
Kerja-Keja Pemeliharaan dan Pembaikan Hiasan Dalaman Serta Perabot Di Ruang Dalam Dewan Pembicaraan Di Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Bandar Seri Begawan

Tarikh Sesi Penerangan (Information Session) Akan Diadakan Pada Rabu, 18 Oktober 2023 Jam 2.30 Petang

Tempat Berkumpul Di Kawasan Lobi Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah

4. Bilangan Sebut Harga :
JKN / BPEA / SH / C / 2023-2024 (2)
Kerja-Kerja Pembekalan dan Pemasangan Tabir Jenis "Roller Blind" Untuk Jendela Di Bangunan Undang-Undang dan Magistrate, BSB

Tarikh Sesi Penerangan (Information Session) Akan Diadakan Pada Rabu, 25 Oktober 2023, Jam 9.30 Pagi

Tempat Berkumpul Di Kawasan Lobi Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah

5. Bilangan Sebut Harga :
JKN / BPEA / SH / D / 2023-2024 (3)
Perkhidmatan Pemotongan Pokok Besar Di Luar Pagar Bangunan Mahkamah-Mahkamah Daerah Tutong

Tarikh Sesi Penerangan (Information Session) Akan Diadakan Pada Sabtu, 21 Oktober 2023, Jam 9.30 Pagi

Tempat Berkumpul Di Kawasan Lobi Bangunan Mahkamah-Mahkamah Daerah Tutong

6. Bilangan Sebut Harga:
JKN / BPEA / SH / D / 2023-2024 (4)
Kerja - Kerja Pemasangan Susur Tangan (Hand Rail) Di Tangga Luar Pintu Utama Bangunan Mahkamah-Mahkamah Daerah Tutong

Tarikh Sesi Penerangan (Information Session) Akan Diadakan Pada Rabu, 1 November 2023 Jam 9.30 Pagi

Tempat Berkumpul Di Kawasan Lobi Bangunan Mahkamah-Mahkamah Daerah Tutong

7. Bilangan Sebut Harga :
JKN / BPEA / SH / E / 2023-2024 (2)
Perkhidmatan Pemotongan Pokok Besar Mahkamah - Mahkamah Daerah Belait

Tarikh Sesi Penerangan (Information Session) Akan Diadakan Pada Isnin, 23 Oktober 2023 Jam 10.30 Pagi

Tempat Berkumpul Di Kawasan Lobi Bangunan Mahkamah - Mahkamah Daerah Tutong

8. Bilangan Sebut Harga :
JKN / BPEA / SH / E / 2023-2024 (3)
Kerja - Kerja Pembekalan dan Pemasangan 'Frosted Sticker' Untuk Jendela Di Bangunan Mahkamah-Mahkamah Daerah Belait

Tarikh Sesi Penerangan (Information Session) Akan Diadakan Pada Isnin, 23 Oktober 2023 Jam 10.30 Pagi

Tempat Berkumpul Di Kawasan Lobi Bangunan Mahkamah - Mahkamah Daerah Tutong

9. Bilangan Sebut Harga:
JKN / BPEA / SH / F / 2023-2024 (1)
Kerja-Kerja Pembekalan dan Pemasangan Tabir Jenis "Roller Blind" dan "Frosted Sticker" Untuk Jendela dan Pintu Cermin Di Mahkamah-Mahkamah, Aras Bawah Bangunan Pejabat Daerah Temburong

Tarikh Sesi Penerangan (Information Session) Akan Diadakan Pada Isnin, 23 Oktober 2023, Jam 10.30 Pagi

Tempat Berkumpul Di Kawasan Lobi Bangunan Mahkamah - Mahkamah Daerah Tutong

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa, 7 November 2023.

---

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Divisyen Pengurusan Sumber Tenaga Manusia Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran :
Q01 / KPN / DHRM / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
To Supply, Conduct and Facilitate In-House Training Programme-Kursus Microsoft Words (Basic Intermediate Advance) For Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
Q02 / KPN / DHRM / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
To Supply, Conduct and Facilitate In-House Training Programme-Kursus Microsoft Excel (Basic Intermediate Advance) For Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
Q03 / KPN / DHRM / 2023-2024

Tajuk Tawaran:
To Supply, Conduct and Facilitate In-House Training Programme- Kursus Microsoft Powerpoint For Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
Q04 / KPN / DHRM / 2023-2024

Tajuk Tawaran:
To Supply, Conduct and Facilitate In-House Training Programme-Effective Project Management Course For Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
Q05 / KPN / DHRM / 2023-2024

Tajuk Tawaran:
To Supply, Conduct and Facilitate In-House Training Programme-Technical Report Writing Course For Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 26 Oktober 2023.

---

**PEJABAT BESAR POS KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Tawaran :
POS / T / 20 / JPP / 2023-2024

Tawaran Penyewaan Ruang ATM Di Pejabat Pos Bagi Menjalankan Perkhidmatan Mesin ATM Di Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 31 Oktober 2023. Jam 2.00 Petang.

---

**PEJABAT BESAR POS KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Rujukan Tawaran :
POS / T / 21 / JPP / 2023-2024

Tawaran Penyewaan Ruang Kaunter Kosong Di Pejabat Pos Bagi Menjalankan Perkhidmatan Insuran Di Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 31 Oktober 2023. Jam 2.00 Petang.

---

**PERATURAN PENGIKLANAN**
**(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**
DI PELITA BRUNEI

PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400 sambungan Meja Iklan**

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

**RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**

**IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No. BCY / CP / 184 / 2020**

**BIBD AT-Tamwil Berhad - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Zailan bin Haji Md Said (00-259604) - Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **5 September 2020.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Zailan bin Haji Md Said**
**No. 94, Simpang 63, Jalan Sungai Carana, RPN Panchor Mengkubau, BU1729, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen :**
11 Ogos 2020

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
10 Ogos 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **5 September 2020.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 6 September 2023, jam 2.30 Petang.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **6 September 2023, jam 2.30 Petang di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
10 Ogos 2023

**Kes No. BCY / CP / 82 / 2023**

**Baiduri Finance Berhad - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Mohammad Kamarul Nizam bin Mohamad Taha (01-090124) - Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **27 Julai 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Mohammad Kamarul Nizam bin Mohamad Taha**
**No. 23, Simpang 265-33-69, Kg. Jerudong, Negara Brunei Darussalam.**
**or / and**
**Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, First Battalion, Berakas Camp, Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
3 Julai 2023

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
8 Ogos 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **27 Julai 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 13 September 2023, jam 9.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **13 September 2023, jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
8 Ogos 2023

**Kes No. BCY / CP / 467 / 2017**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Aji bin Minudin (00-128626) - Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **5 September 2020.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Aji bin Minudin**
**No. 16, Simpang 355-86-19 -13-57, Kampong Tungku, Katok A, Gadong, BE2319, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen :**
6 November 2017

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
17 Ogos 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **10 Ogos 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 27 September 2023, jam 9.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **27 September 2023, jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
17 Ogos 2023

**Muhd Muzakkir bin Haji Zakaria**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

**Bilangan Sebut Harga :**
**19 / SEPTEMBER / KKBS / BKBN / 1.40 / 23**

**Tajuk Sebut Harga :**
**Pembekalan Serta Penghantaran Ubat-Ubatan Bagi Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12**

**Tarikh Tutup :**
**Khamis, 19 Oktober 2023.**
**Tidak lewat jam 2.00 Petang.**

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**
**II & III sahaja**

**Kategori :**
**K01 sahaja**

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
**Selasa, 24 Oktober 2023.**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Selasa, 7 November 2023.**
**Tidak lewat jam 2.00 Petang.**

**Bilangan Tawaran:**
**JKR / DWS / 028 / 2023**

**Nama Projek :**
**Kontrak Penggal bagi Kerja-Kerja Operasi Tangki Air dan Sistem Telemetry di Daerah Brunei dan Muara Selama 24 Bulan.**

**Yuran Tawaran :**
**BND30.00**
**(Tidak dikembalikan)**

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**
**V**

**Kategori :**
**M01 & E01**

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :**
**Selasa, 24 Oktober 2023.**

**Tarikh Tutup :**
**Selasa, 7 November 2023.**

**Tidak Lewat Dari Jam:**
**2.00 Petang.**

**Bilangan Tawaran :**
**JKR / DME / BOP-ACM / 25 / 2023**

**Nama Projek :**
**Penggantian 'Air Handling Unit (AHU)' Di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei**

**Yuran Tawaran :**
**BND500.00**
**(Tidak dikembalikan)**

---

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Tawaran :**

**Bilangan Tawaran :**
**KK / 222 / 2023 / SSBH(TC)**

**Keterangan :**
**To Supply and Delivery Of Eye Consumables Items For Eye Clinic, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital For A Period Of Five (5) Years Usage**

**Bayaran Yuran Tawaran :**
**BND100.00**
**(Tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup :**
**Selasa, 17 Oktober 2023.**
**Tidak lewat jam 2.00 Petang.**

# IMBASAN MINGGUAN



SALAH satu pasukan bagi Kategori Lelaki mendendangkan dikir mereka dalam Pertandingan Dikir Brunei bagi Pegawai Masjid, Ahli Jawatankuasa Takmir dan Jemaah Masjid serta Muslimah Masjid Senegara bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1445H / 2023M. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



MAJLIS Khatam Al-Quran sempena Sambutan Hari Pandu Puteri Tahun 2023, PPPBD, berlangsung di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



SALAH seorang graduan mengabdikan gambar kenangan pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-13, yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.



ANTARA peserta yang menyertai Pertandingan Pesta Pantun antara Institusi Pengajian Tinggi Negara Brunei Darussalam (IPT NBD) 2023. - Foto : Saerah Haji Abdul Ghani.



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Walkaton sempena Sambutan Hari Guru Ke-33, Tahun 2023 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan. - Foto : Azmah Haji Ahad.

# MENINJAU LEBIH DEKAT MPK SUNGAI BUNGA



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**SUNGAI BUNGA**, Sabtu, 14 Oktober. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga melalui Perkhidmatan Pelancongan Seri Tanjung MPK Sungai Bunga menerima rombongan pelawat seramai 27 orang yang dianjurkan oleh Brunei Green dengan kerjasama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Kedatangan rombongan dialu-alukan oleh Ketua Kampung Pulau Baru-Baru, Sungai Bunga dan Tanjong Kindana dan selaku Pemangku Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Haji Zaini bin Haji Salleh.

Semasa lawatan tersebut, Ketua Kampung Pulau Baru-Baru, Sungai Bunga dan Tanjong Kindana dan selaku Pemangku Penghulu Mukim Kota Batu mengetuai rombongan dengan mengadakan beberapa lawatan di sekitar kampung berkenaan iaitu Perusahaan Sangkar Ikan Terapong, Makam Sultan Brunei Ke-9 dan Demostrasi Pemprosesan Makanan.

Apa yang menarik, rombongan juga dapat mengenali dan melihat dengan lebih dekat produk-produk yang dihasilkan oleh MPK Sungai Bunga iaitu Keropok Udang, Sapit dan makanan-makanan lain serta tunjuk ajar menumpah Ambuyat.

Lawatan tersebut antara lain adalah untuk melihat lebih dekat produk-produk yang dihasilkan oleh Kampung Sungai Bunga dan sekali gus menimba lagi banyak pengalaman.



MAJLIS Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga melalui Perkhidmatan Pelancongan Seri Tanjung MPK Sungai Bunga menerima rombongan pelawat seramai 27 orang (kiri), manakala gambar atas, rombongan turut mengadakan beberapa lawatan di sekitar kampung berkenaan.

# Peka, patuhi perundangan Akta Kawalan Harga, Penggal 142

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Oktober. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mendapati sebanyak 11 kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-peraturan di bawahnya, di sepanjang bulan September 2023.

Berikutan hasil pemeriksaan ke premis-premis perniagaan yang dijalankan secara rutin di sepanjang bulan September 2023 di bawah mandat penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-peraturan di bawahnya, JPES telah mengeluarkan empat tawaran kompaun kepada empat buah premis perniagaan kerana gagal mematuhi akta berkenaan dengan keterangan.

Antara premis tersebut ialah Seri Yasra Enterprise Sdn. Bhd., Kampung Jangsak; Aprina Supermarket Sdn. Bhd., Kampung Tungku dan Seri Shajua Trading Jalan Kumbang Pasang didenda sebanyak BND500 atas kesalahan Akta Bab 3B : melebihi harga dan bayaran maksimum yang ditetapkan oleh Pengawal Harga (produk minyak masak).

Manakala Shahi Jaya Sdn. Bhd., Bandar Seri Begawan didenda sebanyak BND500 atas kesalahan Bab 5 : tidak mempamerkan harga pada mana-mana barangan atau jenis barangan.



ANTARA premis perniagaan yang gagal mematuhi akta berkenaan dengan keterangan.

Di samping itu, sebanyak tujuh Notis Amaran dikeluarkan kepada tujuh buah premis perniagaan pada bulan September 2023 atas kesalahan-kesalahan seperti gagal mempamerkan tanda harga bagi sebahagian barangan yang dijual di dalam premis perniagaan dan mempamerkan harga yang tidak selaras dengan sistem pembayaran di kaunter.

Di kesempatan ini, pihak JPES sekali lagi menyarankan kepada para peniaga untuk sentiasa peka terhadap perundangan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan seterusnya memastikan harga yang dijual bagi barangan yang dikawal harga tidak melebihi harga maksimum yang telah ditetapkan serta memastikan barangan yang dijual di dalam premis perniagaan dipamerkan tanda harga yang jelas, tepat dan tidak mengelirukan pengguna.

Orang ramai yang ingin membuat aduan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 boleh melaporkan melalui saluran-saluran rasmi berikut dengan menyertakan dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar sebagai bukti di aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau Talian Darussalam 123 atau e-mel ke *aduanpengguna@jpes.gov.bn.*




BAHAGIAN Penguatkuasa JHEP, JPES semasa menjalankan pemeriksaan ke salah sebuah premis perniagaan.




# TINGKATKAN KESEDARAN UMUM TERHADAP KESIHATAN MENTAL



BADAN Pelajar Fakulti Pertanian Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa mengadakan Mini Aktiviti selama tiga hari berlangsung di Kampus Sinaut, UNISSA (atas dan kanan).




Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**TUTONG**, Sabtu, 14 Oktober. - Bagi memperingati Hari Kesihatan Mental Sedunia yang diadakan pada setiap 10 Oktober, Badan Pelajar Fakulti Pertanian Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Mini Aktiviti selama tiga hari berlangsung di Kampus Sinaut, UNISSA, Tutong.

Mini Aktiviti yang membawa tema 'Mental Health is a Universal Human Right' yang bermaksud 'Kesihatan Mental adalah Hak ke Seluruh Manusia' ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran umum terhadap kesihatan mental.

Seramai 13 orang ahli badan pelajar Fakulti Pertanian telah bekerjasama mengungkayahkan aktiviti ini dengan menyediakan platform seperti mengongsikan kata-kata motivasi.

Selain itu, memberikan tip untuk penjagaan diri, penanganan stres dan bagaimana mencari bantuan untuk individu bila diperlukan kepada pelajar mahasiswa dan mahasiswi, tenaga pengajar serta kakitangan UNISSA ke arah kesihatan mental yang lebih baik.

## Ekspo Kerjaya 2023, 19 - 22 Oktober ini

Siaran Akhbar : Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Oktober. - Lebih 50 buah syarikat dari sektor swasta akan ikut serta dalam Ekspo Kerjaya 2023 yang dianjurkan oleh Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Jabatan Perdana Menteri.

Ekspo selama empat hari tersebut akan diadakan di OneCity Shopping Centre, Kampung Sungai Hanching bermula Khamis, 19 Oktober hingga Ahad, 22 Oktober 2023 dari jam 9.00 pagi hingga jam 5.00 petang kecuali pada Jumaat akan ditutup jam 11.30 pagi hingga jam 2.30 petang.

Terdapat lebih 1,000 peluang pekerjaan akan ditawarkan oleh syarikat swasta bagi para pencari kerja tempatan, termasuk lebih 60 peluang pekerjaan bagi golongan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan adalah dalam pelbagai industri seperti IT, minyak dan gas, pembinaan, peruncitan, makanan dan minuman (F&B) dan banyak lagi.

Pelbagai aktiviti menarik untuk pengunjung di seluruh peringkat umur akan diadakan seperti pameran daripada syarikat-syarikat; pendaftaran akaun JobCentre Brunei dan e-Darussalam; temu duga terbuka; konsultasi Curriculum Vitae (CV); pelbagai taklimat menarik dan demonstrasi secara langsung dan permainan serta pertandingan menarik.

Pencari kerja dinasihatkan untuk membawa *hardcopy* dan *softcopy* CV terkini serta dokumen-dokumen yang berkaitan agar tidak melepaskan peluang untuk menghadiri temu duga terbuka yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat.

Walau bagaimanapun, pihak penganjur akan menyediakan kemudahan mengimbas dokumen CV *hardcopy* menjadi *softcopy*.

Info lanjut mengenai Ekspo Kerjaya 2023 dan makluman yang berkaitan akan disiarkan melalui akaun Instagram di *@mpec_secretariat* dan *@jobcentrebrunei.* Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak penganjur menerusi talian +673 8239933 atau +673 7291785.









# Kesejahteraan hidup impian setiap masyarakat

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

SETIAP orang mengimpikan kehidupan aman damai dan tenang serta bebas daripada apa jua kesusahan. Namun hakikatnya hidup ini tidaklah semudah yang diimpikan. Kemiskinan antara isu yang digeruni oleh setiap orang dan boleh menyebabkan keadaan sekeliling menjadi huru-hara, kacau-bilau serta jauh daripada kemakmuran.

Kemiskinan disukat bukan hanya dari segi ekonomi tetapi keupayaan seseorang untuk mengakses keperluan asas bagi menikmati cara kehidupan yang selesa. Ini termasuklah makanan yang mencukupi, kesihatan, pendidikan, pekerjaan, perumahan, air yang bersih, tanah, keselamatan dan penyertaan dalam kehidupan sosiopolitik.

Pembasmian kemiskinan merupakan matlamat setiap negara dan sering digunakan sebagai ukuran untuk mencapai kesejahteraan rakyat dan kemantapan pembangunan negara tidak terkecuali Negara Brunei Darussalam (NBD).

NBD sememangnya amat komited menangani isu ini secara holistik. Alhamdulillah di negara ini kemiskinan yang dialami boleh dikatakan dalam tahap relatif sahaja dan bukannya tegar ataupun *extreme*. Kemiskinan relatif dialami apabila terdapat jurang perbezaan dalam taraf kehidupan disebabkan oleh beberapa faktor seperti pencapaian dalam bidang pendidikan, penglibatan dalam aktiviti ekonomi, status kesihatan serta keupayaan untuk membuat pilihan dan merebut peluang.

Selaku rakyat dan penduduk di negara ini, seharusnya kita bersyukur kerana pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menyediakan keperluan-keperluan asas serta perkhidmatan asas NBD secara percuma oleh kerajaan atau dengan subsidi yang amat besar.

Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan yang telah diperkenankan pada tahun 2020 mengandungi strategi-strategi pekerjaan, keusahawanan, latihan kemahiran, pendidikan, *mindset*, perumahan, pengangkutan dan juga penjagaan anak.

Strategi pembasmian kemiskinan ditangani secara holistik, bersepadu dan senegara melalui pelan tindakan pembasmian kemiskinan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial atau yang dikenali sebagai MKIS iaitu di bawah Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan.

Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan adalah pelan tindakan utama dalam menggariskan kapasiti, akses dasar dan akta serta Pelan Tindakan OKU, Warga Emas, Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak menggariskan pembangunan, kesaksamaan, kebajikan, kesejahteraan dan sokongan mesra.

Pelan-pelan tindakan ini, adalah bertujuan bagi meningkatkan resilien dan mandiri ekonomi golongan sasaran khusus untuk keluar daripada kitaran kemiskinan dan mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan.

**Membasmi kemiskinan ke tahap sifar**

Pembasmian kemiskinan ke tahap sifar telah menjadi salah satu agenda utama negara. Pelbagai usaha dilaksanakan untuk mengukuhkan jaminan sosial dan perlindungan kepada golongan tertentu. Selain memperuntukkan subsidi yang besar untuk beberapa keperluan asas, beberapa skim bantuan juga turut disediakan bagi mereka yang memerlukan.

Skim Kebajikan Negara (SKN) telah pun direka bentuk bersandarkan strategi-strategi yang telah disebutkan dan ia bukan sahaja platform untuk mensejajarkan proses pemberian bantuan dari pelbagai agensi bagi memudahkan proses permohonan bantuan secara bersistematik agar pemberian bantuan diberikan pada orang yang benar-benar layak dan tepat pada masanya tetapi juga membantu pihak kerajaan menganalisa data terkini untuk mengetahui situasi penerima bantuan.

Pencen Umur Tua telah diperkenalkan pada tahun 1954, sebagai salah satu mekanisme jaminan sosial untuk menghalang rakyat daripada jatuh miskin. Oleh itu, sememangnya pembasmian kemiskinan telah lama menjadi matlamat negara.

Selain itu, pemberian zakat adalah kewajipan agama, umat Islam yang berkemampuan wajib untuk membayarnya pada kadar tertentu iaitu 2.5 peratus daripada harta yang terkumpul. Sementara Zakat Fitrah pula dibayar oleh umat Islam ketika bulan Ramadan. Zakat yang dikumpul ini diagihkan sebagai bantuan kepada mereka yang layak menerimanya. Selain itu, terdapat juga Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) disertai oleh fakir miskin yang mempunyai kelayakan yang ditentukan Majlis Ugama Islam.

Manakala Pencen dan Elaun Hilang Upaya diberikan kepada OKU sejak tahun 1955, bagi mereka yang berumur 15 tahun ke atas seperti yang disediakan di bawah Akta Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya. Kemudian ia dikaji semula untuk dimasukkan Elaun Hilang Upaya bagi yang berumur di bawah 15 tahun bermula 1 Januari 2018.

Keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan rakyat di negara ini memberikan impak positif terhadap kesejahteraan awam dan menjadi pemangkin kepada pembangunan negara yang lebih berdaya tahan, inklusif dan dinamik melalui usaha-usaha yang bersepadu iaitu Whole of Government dan Whole of Nation dengan penglibatan sektor swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan orang ramai.

Pihak individu khususnya golongan terbabit disaran untuk mengambil inisiatif merebut serta memanfaatkan peluang-peluang yang diberikan oleh pihak Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan sebaik mungkin demi untuk mencapai kesejahteraan hidup bagi diri mereka dan semua ahli keluarga yang lain.



# HABITEX PAMER PELBAGAI JENIS PRODUK, PERKHIDMATAN

**Berita dan Foto : Aimi Sani**

**BERAKAS**, Sabtu, 14 Oktober. - Pameran Habitat (HABITEX) bertempat di Ibu Pejabat, Jabatan Kemajuan Perumahan, Lapangan Terbang Lama, Berakas merupakan platform bagi pengusaha - pengusaha mempromosikan dan mempamerkan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan berkualiti termasuk produk binaan, hiasan rumah, perbankan dan kewangan, telekomunikasi, makanan dan minuman dan sebagainya.

Pameran tersebut akan diadakan selama satu minggu dan disertai oleh lebih 20 pengusaha yang mempamerkan produk dan perkhidmatan pembinaan serta hiasan rumah, perbankan, kewangan, telekomunikasi dan sebagainya.

Sehubungan itu, tinjauan Pelita Brunei ke pameran berkenaan menyaksikan sambutan orang ramai mengunjungi ke tempat tersebut sangat menggalakkan.

Salah seorang peserta pameran, Pengarah Urusan Validus Enterprise, Aileen Morante ketika ditemui berkata bahawa selama beberapa hari pameran berlangsung, ramai orang datang mengunjungi petak pameran syarikat yang menjual jubin lantai, peralatan tandas dan pelbagai perkakas rumah.

Pameran ini ujarnya sangat bagus kerana ia dapat membantu para pengusaha untuk mendapatkan lebih ramai pelanggan selain memberi banyak pilihan kepada pelanggan untuk memilih barangan yang berkualiti dan mampu milik.

HABITEX sempena Hari Habitat Sedunia 2023 kelolaan Jabatan Kemajuan Perumahan dibukakan bagi kunjungan orang ramai sehingga Isnin, 16 Oktober 2023 bermula dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.



**PENGARAH Urusan Validus Enterprise, Aileen Morante semasa ditemu bual.**






# IHP Julai 2023 catat penurunan 0.2 peratus

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Oktober. - Bagi Julai 2023, Indeks Harga Pengguna (IHP) bulan-ke-bulan menunjukkan penurunan sebanyak 0.2 peratus didorong oleh penurunan harga bukan makanan sebanyak 0.4 peratus.

Manakala, harga makanan dan minuman ringan mencatatkan peningkatan sebanyak 0.6 peratus.

Penurunan bulan-ke-bulan bagi harga bukan makanan adalah disumbangkan oleh pakaian dan kasut (7.4 peratus); rekreasi dan kebudayaan (0.5 peratus); dan perhiasan, perkakasan isi rumah dan penyelenggaraan rutin isi rumah (0.4 peratus).

Manakala, peningkatan bagi harga makanan dan minuman ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga minuman ringan dan jus (5.9 peratus); ikan dan makanan laut (0.8 peratus); dan susu, produk tenusu dan telur (0.5 peratus).

Bagi perubahan tahun-ke-tahun, IHP menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 0.1 peratus berbanding dengan Julai 2022.

Peningkatan berkenaan adalah didorong oleh kenaikan sebanyak 1.9 peratus pada harga makanan dan minuman ringan.

Manakala, harga bukan makanan pula menunjukkan penurunan sebanyak 0.4 peratus. Peningkatan tahun-ke-tahun bagi harga makanan dan minuman ringan adalah disebabkan oleh kenaikan harga minuman ringan dan jus (8.1 peratus); susu, produk tenusu dan telur (4.7 peratus); dan beras serta bijirin (4.0 peratus).

Peningkatan harga minuman ringan dan jus adalah selaras dengan perubahan kepada kadar Duti Import Kastam dan Eksais bagi barangan minuman manis dan berperisa (sedia untuk diminum) yang berkuat kuasa sejak Mei 2023.

Manakala, kenaikan harga telur dan produk-produk bakeri masing-masing disebabkan oleh kekurangan bekalan dan kenaikan harga bahan-bahan mentah.

Walau bagaimanapun, peningkatan tahun-ke-tahun berkenaan diimbangi oleh penurunan harga bukan makanan terutamanya bagi perhubungan (3.1 peratus), khususnya perkhidmatan telefon dan telefaks; pengangkutan (2.4 peratus) disebabkan oleh penurunan harga tiket penerbangan dan harga kereta; dan pakaian dan kasut (2.3 peratus) disumbangkan oleh penurunan harga pakaian.

IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan kepada maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi Julai 2023 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui *https://deps.mofe.gov.bn.*







BERITA GLOBAL

# PILIHAN RAYA PRESIDEN ECUADOR DITERUSKAN MESKI BERDEPAN KETIDAKPASTIAN, KEGANASAN

**BOGOTA (Colombia)**, 15 Okt. - Ecuador bersiap sedia menghadapi pilihan raya presiden pada Ahad, meskipun dilanda krisis keselamatan yang belum pernah berlaku sebelum ini, lapor Agensi Anadolu.

Pilihan raya kali ini menyaksikan pertembungan dua calon - Luisa Gonzalez, mewakili Parti Revolusi Rakyat dan jutawan Daniel Noboa.

Gonzalez yang memperoleh 34 peratus undi pada pusingan awal pada Ogos, berikrar untuk mengembalikan semula program sosial yang diperkenalkan oleh mentornya, bekas Presiden yang dibuang negeri Rafael Correa, serta menggunakan rizab antarabangsa berjumlah US$2.5 bilion bagi memulihkan ekonomi.

Noboa, anak kepada ahli politik Alvaro Noboa dan sebelum ini bukan menjadi pilihan utama.

Beliau berikrar untuk mewujudkan peluang pekerjaan, khususnya untuk golongan belia, menarik pelaburan asing dan menggunakan teknologi bagi memerangi peningkatan jenayah.

Calon yang dipilih menjadi presiden bakal berdepan tugas getir untuk menangani krisis jenayah yang semakin berleluasa di Ecuador, dengan kadar pembunuhan meningkat sebanyak 245 peratus dari 2020 hingga 2022, menurut Open Democracy yang berpangkalan di UK.

Kempen pilihan raya sebelum ini dicemari dengan pembunuhan calon antirasuah Fernando Villavicencio pada 9 Ogos.

Villavicencio, bekas wartawan yang sering mengkritik mengenai kaitan pegawai kerajaan dengan jenayah terancang.

Lebih 13 juta rakyat dijangka melaksanakan tanggungjawab mereka memilih presiden baharu bagi menggantikan Lasso yang membubarkan Parlimen selepas terpalit dengan tuduhan rasuah.

Presiden baharu akan memegang jawatan selama 16 bulan sebelum kemungkinan pemilihan semula pada 2025. - ©BERNAMA

# Suruhanjaya Eropah akan 'segera' tingkatkan bantuan kemanusiaan untuk Gaza

**GENEVA**, 15 Okt. - Presiden Suruhanjaya Kesatuan Eropah (EU) Ursula von der Leyen pada Sabtu berkata blok itu akan 'segera' meningkatkan bantuan kemanusiaan untuk penduduk di Gaza.

Suruhanjaya dalam satu kenyataan memaklumkan keputusan itu diambil selepas von der Leyen mengadakan perbincangan dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Antonio Guterres, lapor Agensi Anadolu.

"Suruhanjaya akan meningkatkan dana bantuan kemanusiaan sedia ada untuk Gaza sebanyak 50 juta euro (US$52.5 juta) dengan kadar segera. Ini akan menjadikan jumlah keseluruhan melebihi 75 juta euro.

"Kami akan meneruskan kerjasama erat dengan PBB dan agensinya untuk memastikan bantuan ini sampai kepada mereka yang memerlukan di Semenanjung Gaza," kata beliau. - ©BERNAMA

# Ipoh jadi bandar raya kesihatan menjelang 2025

**IPOH**, 15 Okt. - Ipoh bakal menjadi bandar raya kesihatan menjelang 2025 berikutan kerancakan pembinaan beberapa pusat perubatan ketika ini.

Datuk Bandar Ipoh Datuk Rumaizi Baharin berkata antara lima pusat perubatan baharu di sekitar bandar raya ini ialah Pusat Rehabilitasi Neuro-Robotik dan Cybernics Kebangsaan Perkeso di Bandar Meru Raya, Hospital Seri Botani dan Pusat Perubatan Sunway.

"Kebanyakan infrastruktur sedang dalam pembinaan dan yang sudah siap dibina antaranya Hospital Pakar Komuniti Perak (PCSH) dan Hospital Seri Botani manakala hospital di Bandar Sunway, Tambun (Pusat Perubatan Sunway) yang dalam pembinaan dijangka siap tidak lama lagi.

"Quill Medical Centre di Jalan Sultan Nazrin Shah juga dalam pembinaan malah terdapat beberapa lagi pusat kesihatan dalam perancangan untuk dibina," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Kempen Kesedaran Barah Payudara dan Diabetes 'Fight For Pink Act For Blue' anjuran PCSH di sini hari ini.

Rumaizi berkata pembinaan beberapa pusat kesihatan di sekitar bandar raya ini melibatkan pelaburan melebihi RM1 bilion pada fasa awal.

"Kesemua projek pembinaan ini dijangka siap pada hujung tahun hadapan dan kita (Ipoh) akan mempunyai tambahan kira-kira 1,000 kemudahan katil.

"Hal ini sekali gus mewujudkan lebih 8,000 peluang pekerjaan berkaitan sektor kesihatan seperti doktor, jururawat, ahli farmasi dan kakitangan pentadbiran," katanya.

Beliau berkata selain pelancongan, Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) akan menumpukan sektor kesihatan kerana pertambahan pusat perubatan berkenaan dapat membantu penduduk mendapatkan perkhidmatan kesihatan dengan mudah dan kos mampu milik. - ©BERNAMA

# Perhimpunan solidariti Palestin diadakan di beberapa negara Eropah

**GENEVA**, 15 Okt. - Beberapa negara Eropah menyaksikan orang ramai berarak sebagai tanda sokongan terhadap perjuangan Palestin pada Sabtu ketika situasi yang semakin meruncing di Semenanjung Gaza.

Beratus-ratus berhimpun di Stockholm sebagai membantah serangan Israel terhadap wilayah berkenaan, lapor Agensi Anadolu.

"Free Palestine", "Free Jerusalem" dan "Freedom for Gaza" dilaungkan dan bendera Palestin dikibarkan oleh rakyat Sweden, Palestin, Arab dan dari pelbagai bangsa tanpa mengira peringkat umur.

Di Dublin, beribu-ribu peserta perhimpunan menyuarakan sokongan terhadap Palestin, sambil melaungkan slogan "Palestine will be free" dan "Occupation no more."

Mereka juga membawa bendera dan sepanduk Palestin, menuntut kepungan di Gaza dihentikan.

Sentimen yang sama bergema di Scotland, dengan ribuan orang turun ke jalanan di Glasgow bagi menyatakan sokongan mereka kepada rakyat Palestin.

Protes besar-besaran di Milan mempamerkan mesej yang sama: "Free Palestine."

Di Berlin, polis tidak membenarkan demonstrasi bagi menzahirkan solidariti dengan rakyat Palestin.

Sekumpulan peserta berkumpul di dataran di hadapan Pintu Brandenburg, selepas memohon permit untuk mengadakan tunjuk perasaan.

Bagaimanapun, polis meminta mereka meninggalkan dataran atas alasan protes diharamkan. - ©BERNAMA

# Rakyat Australia mengundi untuk Referendum 'Indigenous Voice'

**CANBERRA**, 14 Okt. - Pusat pengundian telah dibuka untuk pungutan suara, dengan pengundi akan memutuskan sama ada mahu mewujudkan Suara Orang Asli Australia (Indigenous Voice) atau sebaliknya, lapor Xinhua.

Berjuta-juta rakyat Australia pada Sabtu akan mengundi 'ya' atau 'tidak' pada cadangan untuk meminda perlembagaan bagi mengiktiraf Orang Asli Australia.

Untuk meminda perlembagaan, undian 'ya' mesti memperoleh majoriti berganda, bermakna lebih daripada 50 peratus pengundi di seluruh negara, serta majoriti di sekurang-kurangnya empat daripada enam negeri di Australia, mesti mengundi menyokong.

Terdahulu, Perdana Menteri, Anthony Albanese dilaporkan berkata pungutan suara itu adalah peluang bagi Australia untuk berbuat lebih baik dan optimis bahawa majoriti rakyat Australia akan menerima 'peluang untuk mencipta sejarah' dengan mengundi 'ya'.

Menurut Suruhanjaya Pilihan Raya Australia (AEC), 6.1 juta pengundi telah mengambil bahagian dalam pengundian awal setakat Jumaat dan 2.1 juta telah memohon undi pos, selebihnya 9.4 juta orang akan mengundi pada Sabtu.

Petugas AEC akan mula mengira undi selepas pusat pengundian ditutup pada 6.00 petang waktu tempatan pada Sabtu.

Menurut AEC, mengundi adalah wajib bagi rakyat ustralia berumur 18 tahun ke atas yang berdaftar dalam daftar pemilih (kira-kira 17.7 juta orang). - ©BERNAMA

# India : 12 maut bas mini rempuh lori kontena

**NEW DELHI**, 15 Okt. - Sekurang-kurangnya 12 orang terbunuh, manakala 23 lagi cedera selepas sebuah bas mini merempuh lori kontena di Maharashtra, barat India pada Ahad, lapor Xinhua.

Menurut polis tempatan, nahas jalan raya itu berlaku di Lebuhraya Samruddhi di daerah Chhatrapati Sambhajinagar, kira-kira 268 kilometer (km) dari timur Mumbai.

Ketika kejadian bas mini itu membawa 35 penumpang. - ©BERNAMA

# UAE sediakan lebih US$13 juta bantuan kemanusiaan kepada Palestin

**DUBAI**, 14 Okt. - Naib Presiden dan Perdana Menteri Emiriah Arab Bersatu (UAE) Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum telah mengarahkan pemberian bantuan kemanusiaan sebanyak AED50 juta (US$13.6 juta) kepada rakyat Palestin.

Bantuan itu yang disalurkan melalui "Mohammed bin Rashid Al Maktoum Global Initiatives (MBRGI)" adalah sebahagian daripada dasar UAE untuk menyediakan bantuan dan pertolongan segera kepada penduduk yang memerlukan di seluruh dunia semasa krisis, lapor Agensi Berita Emirates (WAM).

Israel telah mengabaikan gesaan antarabangsa untuk menghentikan serangan, selain memotong bekalan air dan elektrik ke Gaza, memburukkan lagi keadaan kemanusiaan di kawasan itu.

Pertempuran terkini di Palestin yang melibatkan Hamas, iaitu pihak berkuasa di Gaza, dan rejim Israel sejak 7 Okt lepas, telah mengorbankan ratusan nyawa di kedua-dua belah pihak. - ©BERNAMA

# Ribuan berlindung di hospital terbesar di Gaza selepas arahan berpindah Israel

**GAZA CITY**, 14 Okt. - Beribu-ribu rakyat Palestin berlindung di Hospital Al-Shifa, hospital terbesar di Semenanjung Gaza susulan serangan udara tentera Israel yang berterusan.

"Kira-kira 35,000 penduduk Gaza berlindung di hospital daripada serangan Israel.

"Penduduk berada dalam keadaan panik dan ketakutan. Penduduk memasang khemah di kompleks perubatan untuk keselamatan," kata Pengarah hospital Mohamed Abu Slima di Facebook, pada Sabtu, lapor Agensi Anadolu.

Tentera Israel memberi amaran kepada 1.1 juta penduduk di utara Gaza agar mengosongkan rumah mereka pada Jumaat, menyebabkan beribu-ribu berlindung di hospital.

Pertempuran terkini di Palestin yang melibatkan Hamas, iaitu pihak berkuasa di Gaza, dan rejim Israel sejak 7 Okt lepas, telah mengorbankan ratusan nyawa di kedua-dua belah pihak. - ©BERNAMA

# 10 maut, puluhan cedera kemalangan bas di Cameroon

**YAOUNDE**, Cameroon, 14 Okt. - Seramai 10 orang dikhuatiri maut, manakala berpuluh-puluh lagi cedera dalam kemalangan ngeri membabitkan dua kenderaan di wilayah Centre Cameroon, pada Jumaat, menurut saksi dan polis.

Kemalangan itu berlaku apabila sebuah bas yang membawa lebih 30 penumpang berlanggar dengan sebuah trak di kawasan Obala di wilayah itu, lapor Xinhua.

"Sebahagian daripada penumpang bas akan menghadiri majlis pengebumian. Ia satu tragedi," kata seorang saksi kejadian.

Polis berkata siasatan rasmi berhubung kejadian itu sedang dilakukan. - ©BERNAMA

# GOSTRIKE BOWLING, SERIA KINI DIBUKA





SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Syarikat GoStrike Bowling, Seria (atas dan kanan). Manakala gambar bawah, tetamu kehormat membuat lawatan di tempat tersebut.

**Siaran Akhbar dan Foto : Syarikat GoStrike Bowling**

**SERIA,** Ahad, 15 Oktober. - Syarikat GoStrike Bowling telah mengadakan Majlis Perasmian dan Pembukaan syarikat berkenaan yang berlangsung di Seria, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan syarikat berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.



Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat diikuti dengan ucapan perasmian yang disampaikan oleh Rakan Kongsi Urusan Syarikat GoStrike Bowling, Awang Nazdeny Ardian bin Haji Johan.

Majlis kemudian diteruskan dengan Upacara Memotong Reben oleh tetamu kehormat diikuti dengan menyaksikan tempat tersebut.

Tetamu kehormat juga seterusnya melawat ke ProShop yang diketuai oleh Rakan Kongsi Urusan Syarikat GoStrike Bowling dan CoOwner Ascent Bowling Proshop, Awang Mohammad Hafidz bin Murni.

Bagi mengakhiri majlis, tetamu kehormat berpeluang untuk bermain satu perlawanan Boling di syarikat berkenan. Syarikat GoStrike Bowling telah mengambil alih pengurusan Pusat Boling Seria sebelum ini dan dibukakan setiap hari.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi menerusi talian +673 7335878 atau ikuti laman sosial Instagram di *gostrike.bn.*




# SSR, ACT sertai Riadah Berbasikal Tour De Labuan

**Berita dan Foto : Ihsan Kumpulan Santai-Santai Riders**

**LABUAN,** Ahad, 15 Oktober. - Dalam usaha berterusan bagi mengekalkan gaya hidup sihat, Ahli Kumpulan Santai-Santai Riders (SSR) dan Amateur Cycling Team (ACT) dari Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyertai Riadah Berbasikal Tour De Labuan, baru-baru ini.

Lebih 270 individu dari NBD, Labuan, Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia telah ikut serta kayuhan sejauh 55 kilometer anjuran SAS Cycling Club dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Labuan bersempena dengan Hari Sukan Negara peringkat W.P. Labuan 2023.

Kayuhan bermula dari Pekarangan Desa Tunas Hijau jalan Sungai Papar, Kampung Sungai Miri W.P. Labuan.

Menurut salah seorang peserta dan selaku Ketua Pasukan, Awang Haji Mohammed bin Haji Md. Zanai daripada Ahli Kumpulan SSR menjelaskan, dengan adanya acara seumpama itu, ia bukan sahaja untuk melengkapkan penyertaan, ia juga mengeratkan hubungan silaturahim antara penggemar aktiviti berbasikal rentas sempadan dan seterusnya menyerahkan cenderahati kenangan kepada pihak penganjur iaitu SAS Cycling Club.



AHLI Kumpulan Santai-Santai Riders (SSR) dan Amateur Cycling Team (ACT) dari Negara Brunei Darussalam (NBD) semasa menyertai Riadah Berbasikal Tour De Labuan.

PELITA BRUNEI




# LIGA SUPER SEPAK TAKRAW TAIB 2023 BUKA TIRAI

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 Oktober. - Liga Super Sepak Takraw Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) Terbuka (LST) 2023 membuka tirainya hari ini dengan Majlis Pembukaan Rasmi kejohanan tersebut yang berlangsung di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian kejohanan tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Majlis dimulakan dengan perbarisan masuk pasukan-pasukan terdiri daripada Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) 'A'; MS PDB 'B'; MS PDB 'C'; Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) 'A'; MS ABDB 'B'; MS ABDB 'C'; Brunei Legend 'A'; Brunei Legend 'B'; Skim Tutong; Kamser; Belait Warriors 'A'; Belait Warriors 'B'; Sri Junjongan; Muara Spurs; Miharbi; Sengkurong Tagap; Semada ST Temburong; Brunei 88 'A'; Brunei 88 'B'; dan Permata Hijau 21; serta para pegawai Teknikal Persatuan Sepak Takraw Brunei Negara Brunei Darussalam (PESTABARU).

Majlis diteruskan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan beramai-ramai, disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Haji Ahmad Yaardy bin Haji Abdul Karim dan diteruskan

**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merasmikan kejohanan dengan pukulan gong sebanyak tiga kali.**



dengan ucapan alu-aluan oleh Presiden PESTABARU, Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja LST 2023.

Setelah itu, majlis disusuli dengan bacaan Ikrar LST 2023 yang diketuai oleh Awang Humaidi bin Brahim dan diikuti dengan bacaan Ikrar Teknikal LST 2023 yang diketuai oleh Awang Shahroni bin Haji Md. Noh.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merasmikan kejohanan dengan pukulan gong sebanyak tiga kali dan kemudian diperkenalkan kepada pasukan - pasukan yang bertanding.

Dalam perlawanan pertama Kejohanan LST, MS PDB 'B' berjaya mengalahkan MS ABDB 'A' dengan berkesudahan 2 - 1.

LST 2023 yang bermula hari ini hingga 19 November 2023, dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama PESTABARU, dan TAIB selaku penaja utama bagi kejohanan liga ini.

Perlawanan LST seterusnya akan diadakan pada setiap Ahad, bermula 22 hingga 19 November 2023 bertempat di Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Manakala Majlis Penutup serta Penyampaian Hadiah akan diadakan pada Ahad, 19 November 2023 bertempat di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Juara bagi kejohanan liga ini akan menerima wang tunai sebanyak BND5,000 dan pingat serta Piala Pusingan; naib juara akan menerima wang tunai sebanyak BND3,000 dan pingat, manakala tempat ketiga bersama akan menerima wang tunai sebanyak BND1,000 dan pingat.

Dalam kesempatan ini, orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir bagi menyaksikan perlawanan-perlawanan serta Majlis Penyampaian Hadiah pada hari-hari berkenaan bagi sama-sama memeriahkan dan memberi sokongan Kejohanan LST 2023, dan masuk adalah percuma.



**ANTARA aksi pasukan yang bertanding pada Majlis Pembukaan Rasmi kejohanan tersebut yang berlangsung di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.**

# KUPU SB anjur Riadah Walkaton

**Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 Oktober. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan kerjasama Kelab Fikrah Fakulti Usuluddin dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, KUPU SB mengadakan Riadah Walkaton bersempena Sambutan Maulidur Rasul 1445 Hijrah dan Hari Guru Ke-33, Tahun 2023, hari ini.

Riadah Walkaton sepanjang 4 kilometer itu bermula dan berakhir di Kawasan Letak Kereta KUPU SB dan merentasi Taman Mahkota Jubli Emas di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim. Turut hadir, Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar serta warga KUPU SB.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diketuai oleh mahasiswa Program Sarjana Muda Perguruan Ugama Tahun 4, Awang Abdul Muizz bin Sapar yang juga memimpin Doa Selamat.

Sebelum Walkaton dimulakan, Dr. Haji Adanan mengetuai bagi sesi senaman pemanasan badan diikuti pelepasan larian yang dirasmikan oleh tetamu kehormat majlis.

Acara riadah turut diserikan dengan jualan bazar yang diungkayahkan oleh mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB serta cabutan bertuah bagi warga KUPU SB.

Matlamat dan objektif kegiatan diadakan adalah bagi membudayakan gaya hidup sihat terutamanya bagi seorang guru ugama yang profesional dan juga merupakan Da'ie yang memerlukan kesihatan jasmani dan mental yang kuat.

Selain itu, bagi meningkatkan kompetensi diri pelajar KUPU SB dan membina sahsiah yang baik dan mulia.



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat menyertai Riadah Walkaton bersempena Sambutan Maulidur Rasul 1445 Hijrah dan Hari Guru Ke-33, Tahun 2023.**